

**Mhi**  
MELAKA HARI INI

ملک هاری این



115 acara  
pelancongan  
menarik  
sepanjang  
2021  
4



FAM  
puas  
hati 24



DUNIA hari ini menyaksikan era digital menjadi teras utama kepada penggerak ekonomi, infrastruktur, teknologi dan sebagainya. Justeru, Kerajaan Melaka turut tidak ketinggalan melaksanakan transformasi digital yang dilihat akan memberi manfaat besar kepada semua pihak, khususnya buat rakyat Melaka 2 & 3

Foto MR. Azli

# Melaka digital Apa seterusnya?



Replika penyu karah di Pengkalan Balak 7



Nafas  
baharu  
2021  
4



Yuran pelajar tingkatan 1  
tangguh hingga Mei 2021 6

Tourism Melaka Futsal  
Challenge 2020 pecah rekod 23

Masihkah ada pewaris  
seni nazam? 22

# Pelan digital diwajibkan pada setiap projek perumahan baharu

FAIZ HASAN

**PULAU SEBANG** - Kerajaan Melaka akan mewajibkan setiap projek perumahan baharu di negeri ini mengemukakan pelan digital masing-masing, kata exco perumahan.

Pelan digital itu akan merangkumi segala prasarana digital untuk kemudahan para penghuni mendapat pelbagai akses digital seperti pembayaran bil-bil utiliti dan sebagainya, kata Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan.

Langkah mewajibkan pelan digital, sama seperti pelan prasarana air dan elektrik,

- Pelan digital itu akan merangkumi segala prasarana digital untuk kemudahan para penghuni mendapat pelbagai akses digital seperti pembayaran bil-bil utiliti dan sebagainya.

adalah selaras dengan transformasi digital bagi negeri Melaka, katanya.

Melaka telah menubuhkan Majlis Digital Melaka bulan lalu bagi menggerakkan pelbagai inisiatif untuk membawa Melaka ke era digital.

"Pelan digital ini juga akan diperkasakan dengan sistem pembayaran tanpa tunai (*cashless*) yang mampu memberi kemudahan akses membeli pelbagai jenis barang keperluan dalam bentuk digital.

"Setiap pembinaan rumah akan diwajibkan dengan kemudahan pelan digital sekali gus akan memudahkan penghuni mendapatkan akses mudah dengan menggunakan telefon pintar dan tidak perlu hadir ke bank serta sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di Terminal Bas Pulau Sebang, baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut beliau, kerajaan negeri ko-

mitated bagi melaksanakan inisiatif terbabit pada tahun ini dan kajian secara mendalam sedang dilaksanakan menerusi jawatankuasa yang ditubuhkan pihaknya.

"Setakat ini kita baru sebulan menuhubkan sebuah jawatankuasa dalam memperkasa era digital di Melaka dan kita harap ia mampu dilaksanakan secepatnya bagi mengelakkan kita ketinggalan."

"Jika kita lambat, kita akan tertinggal ke belakang kerana pada zaman ini kita tidak perlu membawa wang ke mana-mana disebabkan akses digital yang pelbagai mampu dilaksanakan pada

jari sendiri sekaligus gua bakal memacu Melaka ke arah yang lebih maju," katanya.



GHAFaar

## Infrastruktur telekomunikasi akan diperluas - MICTH

**SEBANYAK** 68 tapak telekomunikasi baharu akan dibangunkan tahun 2021 sekali gus memperluas liputan jalur lebar di negeri ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH), Dr. Nazdiana Ad. Wahab berkata, ia perancangan infrastruktur MICTH selari dengan pelaksanaan sistem digitalisasi Melaka.

"Dalam Majlis Digital Negeri Melaka, kita diberi peranan dua kluster iaitu infrastruktur dan ekonomi, kalau infrastruktur sudah

tentu untuk digitalisasi.

"Selain menambah tapak telekomunikasi, kita akan menaik taraf kapasiti sebanyak 38 menara telco sedia ada dengan penyambungan fiber optik," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Katanya, MICTH juga merancang untuk menaik taraf infrastruktur telekomunikasi ke arah teknologi generasi kelima (5G).

"Untuk 5G infrastruktur dia berbeza sedikit dengan menara telekomunikasi sedia ada, MICTH me-

mang dah rancang ke arah 5G supaya rakyat di negeri ini menerima manfaatnya," ujarnya.

Selain itu, MICTH juga bakal mewujudkan platform 'Melaka Integrated Payment System' bagi sektor pelancongan di negeri ini pertengahan tahun 2021.

"Perancangan itu bagi memudahkan orang ramai membuat pembayaran secara digital menggunakan sistem sedia ada. Contohnya dalam industri digital kita ada hab pelancongan digital dan Smart Melaka, jadi kita

nak selaraskan dalam satu platform menggunakan pembayaran dalam sistem pelancongan digital.

"Di sini kita ada Melaka eXcess untuk beli tiket pelancongan, tapi kita juga boleh beli tiket daripada portal, jadi kita nak 'integrate' semua sistem ini dalam satu platform saja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI) mengenai pelaksanaan sistem digital MICTH.

Jelasnya, dengan adanya sis-

tem itu pengguna boleh membuat pembayaran menggunakan Touch 'n Go eWallet, Boost dan lain-lain.

"Semua ini dah ada cuma ia belum disepaduan lagi, jadi MICTH sedang laksanakan kerja-kerja untuk 'integrated' semua pembayaran dalam sistem sedia ada.

"Bila ada sistem ini orang luar yang tidak mempunyai aplikasi pelancongan di Melaka boleh menggunakan Touch 'n Go eWallet dan Boost itu untuk membeli tiket," katanya lagi.

## Teknologi digitalisasi diperkasa

sanakan dari mula hingga akhir proses tanpa bersemuka.

"Ketiga, aplikasi mudah alih iaitu internet yang beroperasi pada telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain," katanya.

Jelasnya, usaha pendigitalan sektor awam terus dilaksanakan kerajaan negeri sehingga hari ini.

"Antaranya gerbang pembayaran bersepadan kerajaan negeri (e-bayar) bagi semakan bil dan pembayaran 'online' antara inisiatif kerajaan negeri dalam memperkasa kemajuan teknologi digital bagi memastikan kebolehupayaan organisasi di negeri ni terus berkembang."

"Sebelum wujudnya portal e-bayar, beberapa jabatan dan agensi kerajaan negeri melaksanakan perkhidmatan pembayaran secara 'silo' dan ada agensi yang tidak punyai perkhidmatan bayar secara online," katanya.

Katanya, tahun 2020 ke-

rajaan negeri melalui Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) melaksanakan projek e-Bayar Fasa IV.

"Ini bagi menambahbaik perkhidmatan tersebut dengan menaik taraf portal sedia ada kepada versi aplikasi mobile dan portal versi terkini.

"Portal ini diperluaskan dengan penambahan perkhidmatan baharu, terkini sebanyak 18 perkhidmatan pembayaran online disediakan di bawah jabatan dan agensi kerajaan negeri," katanya lagi.

Jelasnya, kerajaan negeri mempertingkatkan lagi proses pendigitalan sektor awam di Melaka ke arah menyediakan perkhidmatan yang cekap dan cepat kepada rakyat, sekali gus selaras dengan amalan norma baharu meningkatkan kecekapan penyampaian dalam mengurangkan transaksi fizikal.

"Bagi agenda pendigitala-

lan sektor awam, kerajaan negeri membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 dengan visi 'Kerajaan Digital Memungkin Masyarakat Digi-

"Ini hala tuju pelaksanaan pendigitalan sektor awam bagi tempoh lima tahun akan datang sejajar dengan Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)," ujarnya.

Tambahnya, usaha pendigitalan sektor awam di Melaka dilaksanakan selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik ICT Sektor Awam (PSICTSA) 2016-2020.

"Pelan ini memberi penerangan dan tumpuan sejajar dengan agenda pendigitalan di bawah PSPSA 2021-2025," katanya.

YOUR BILLS AT YOUR FINGER TIPS  
EASY. QUICK. NO QUEUING.

HOME AGENCIES USER MANUAL REGISTRATION CONTACT US

REGISTER LOG IN E-BAYAR FAQ Read More

Find important information about E-BAYAR KERJAAN NEGERI MELAKA portal, FAQ and user manuals.

**GERBANG** pembayaran bersepadan kerajaan negeri (e-bayar) bagi semakan bil dan pembayaran 'online' antara inisiatif kerajaan negeri dalam memperkasa kemajuan teknologi digital bagi memastikan kebolehupayaan organisasi di negeri ni terus berkembang.

Liana Sahabudin

**KERAJAAN** negeri terus memperkasa kemajuan teknologi digital bagi memastikan kebolehupayaan organisasi di negeri ni terus berkembang.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Ha-

san menjelaskan, digitalisasi merupakan proses utama membangunkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) meliputi beberapa aspek.

"Ini termasuklah perisian atau perkakasan komputer bagi menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan menggunakan kemudahan internet, kedua perkhidmatan dalam talian 'end-to-end' yang dilak-

rasaskan tiga komponen utama, katanya kepada Melaka Hari Ini.

"Pertama, perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan kepada pelanggan menggunakan kemudahan internet, kedua perkhidmatan dalam talian 'end-to-end' yang dilak-

# Platform digital dimanfaatkan sepenuhnya

FAIZ HASAN

**ARUS** kemodenan telah mengubah prinsip perniagaan yang perlu direbut golongan usahawan dalam memartabatkan platform digital sebagai kunci utama bagi membentuk perusahaan yang maju ke hadapan.

Penggunaan platform digital semakin signifikan dengan menawarkan perkhidmatan atas talian yang cekap memberi manfaat besar kepada golongan usahawan dalam memperluaskan perniagaan.

Usahawan digital, Muhammad Fazly Azali, 28, berkata peluang terbabit perlu direbut setiap usahawan di negeri ini disebabkan manfaatnya yang begitu besar sekali gus mampu mengembangkan empayar perniagaan dengan begitu mudah.

Jelasnya yang saban tahun mengendalikan syarikat pemasaran digital di negeri ini berkata, melalui platform digital dengan penggunaan aplikasi media sosial yang menyeluruh,

“MELALUI platform digital dengan penggunaan aplikasi media sosial yang menyeluruh, mampu memberi langkah penjimatan kepada usahawan yang mahu memasarkan produk yang dihasilkan.”



FAZLY

mampu memberi langkah penjimatan kepada usahawan yang mahu memasarkan produk yang dihasilkan.

“Setiap usahawan perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun media sosial untuk memasar-



KIAN ramai golongan belia mencuburi pekerjaan mahupun perniagaan berdasarkan digital.

kan produk mereka kerana ia meru-

pakan teknik pemasaran sifar kos selain langkah penjimatan dapat dikurangkan melalui teknik pengiklanan yang betul.

“Perniagaan digital bersifat menyeluruh berbanding perniagaan konvensional yang lebih menumpukan pada pemasaran ‘offline’, jadi jika dibandingkan dengan pemasaran digital, amat besar jurangnya.

“Dengan teknik pemasaran sifar kos juga usahawan boleh memasarkan produk tanpa pembayaran iklan dalam platform itu dengan menumpukan dahulu kepada beberapa kumpulan yang terdapat dalam media sosial,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, usahawan muda yang telah memperluaskan perniagaan tidak sampai dua tahun melalui platform digital, Muhammad Luqman Hakim Rusli, 24, berkata platform digital telah banyak membantunya mengembangkan perniaga-

annya ke seluruh negara.

Jelasnya yang sepenuhnya menggunakan perkhidmatan terbaik berkata, biarpun melalui pemasaran digital strategi terbaik perlu dirangka demi mendapatkan maklum balas tertinggi daripada orang ramai dalam platform terbabit.

“Melalui platform digital mampu membuka lembaran baharu buat golongan usahawan di negara ini selain dapat menggalakkan kami untuk terus bergerak ke hadapan.

“Cabaran utama dalam perniagaan digital adalah tahap sesetengah perkhidmatan kurier yang kurang memuaskan membuatkan ramai pelanggan tidak berpuas hati menjadikan ramai usahawan terkena tempias terbabit. Bagaimanapun inilah cabaran dalam perniagaan dan setiap usahawan perlu bersabar dan bijak dalam mengendalikan perniagaan agar ia mampu dikembangkan,” katanya.



FAZLY ketika melakukan kerja rutin harian merangka pemasaran digital buat pelanggannya.

## Arus pendigitalan bantu ekonomi rakyat

Liana Sahabudin

**USAHA** ke arah menjadikan pendigitalan sebagai platform semakin berkembang hingga mampu memberi pulangan kepada seseorang individu.

Pelbagai transformasi dilakukan bagi memastikan sektor pendigitalan ini mampu dimanfaatkan rakyat di negeri ini supaya tidak tercincir dalam arus perdana.

Seorang pekerja, Nurshahirah Mohd Yasin, 27, ber-

kata platform digital semakin meluas terutama dalam meningkatkan taraf ekonomi serta menjadi medium penyebaran maklumat yang pantas.

“Selaras dengan Melaka yang menjadi negeri perlungaan lebih baik jika adanya satu aplikasi yang boleh membantu pelancong luar.

“Aplikasi yang memberi maklumat, contohnya tandas awam yang berhampiran, tempat menarik, tempat makan viral dan sedap, peta Melaka

dan aplikasi membayar parkir.

“Malah, ia dapat membantu peniaga-peniaga di Melaka untuk membuat hebahan mempromosikan perniagaan mereka,” katanya lagi.

Bagi, Rozer Masudin, 32, pula berkata kerajaan negeri perlu memperhebatkan jaringan komunikasi antara negeri-negeri di Malaysia.

“Ia perlu bagi urusan berkaitan kewangan kerajaan, contohnya pembayaran cukai tanah atau cukai pintu di ne-

geri lain yang dapat dibuat menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT) Melaka.

“Selain itu, lebih baik sekiranya kaedah pembayaran caj parkir awam ditransformasi sepenuhnya menerusi kaedah digital terutama bagi daerah Jasin,” katanya.

Manakala, Nur Azan Hasan, 45 berkata, inisiatif kerajaan negeri memperkasakan sektor pendigitalan berada di landasan yang tepat.

“Namun bagi memfokus-



“IA perlu bagi urusan berkaitan kewangan kerajaan, contohnya pembayaran cukai tanah atau cukai pintu di negeri lain yang dapat dibuat menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT) Melaka.

ROZER Masudin, 32,

kan kehendak rakyat, dalam era pendigitalan ini kita perlu menjaga keselamatan data peribadi kerana sering disalahguna oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Selain itu, bila wujudnya sistem digital bagaimana pula dengan nasib pekerja yang masih menggunakan cara manual adakag mereka masih diperlukan dan tidak tertinggal dari teknologi pendigitalan,” katanya.

katanya.

Katanya, dengan adanya sistem digital usahawan mikro kecil-kecilan ini dapat memperluaskan kaedah pemasaran produk mereka.

“Usahawan mikro ini juga perlu didekahkan mengenai teknologi digital supaya mereka tidak tercincir berbanding peniaga yang sudah menggunakan teknologi ini,” katanya.



“USAHAWAN mikro ini juga perlu didekahkan mengenai teknologi digital supaya mereka tidak tercincir berbanding peniaga yang sudah menggunakan teknologi ini..”

NUR Azan Hasan, 45



“APLIKASI yang memberi maklumat, contohnya tandas awam yang berhampiran, tempat menarik, tempat makan viral dan sedap, peta Melaka dan aplikasi membayar parkir.”

NURSHAHIRAH Mohd Yasin, 27,

# Nafas baharu 2021

• Semoga tahun 2021 akan memberikan semangat dan nafas baharu kepada kita semua

**SERI NEGERI** - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berharap tahun 2021 akan memberi nafas baharu buat kerajaan negeri serta rakyat Melaka amnya, selepas mengharungi cabaran pandemik COVID-19 yang melanda global hampir sepanjang tahun 2020 sehingga kini.

Sulaiman berkata, walaupun dunia menghadapi pelbagai cabaran melibatkan kesihatan, krisis ekonomi, ditambah pula dengan pengamalan kehidupan norma baharu, beliau mengajak semua pihak agar terus positif dalam merealisasi segala perancangan demi manfaat rakyat negeri ini.

"Semoga tahun 2021 akan memberikan semangat dan nafas baharu kepada kita semua."

"Saya akui tahun ini (2020) merupakan tahun yang sangat mencabar, kerana kita perlu melalui kehidupan norma baharu, berdepan dengan cabaran kesihatan, krisis ekonomi dan sebagainya. Namun, bagi saya, itu semua ujian yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT untuk kita lebih kuat dan maju ke hadapan."

"Semoga perancangan bagi tahun 2020 yang belum terlaksana dapat kita teruskan pada tahun 2021 ini. Mari lah kita bersama tingkatkan semangat dan kesungguhan bagi merealisasi pencapaian yang lebih gemilang agar manfaatnya dapat dinikmati oleh semua pihak," katanya menerusi perutusan ringkas sempena Tahun Baharu 2021 di Facebook rasminya baru-baru ini.



Kaji selidik draf Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035

## Warga Melaka diajak sertai kaji selidik

**SERI NEGERI** - Kerajaan Melaka mengajak seluruh rakyat di negeri ini sertai kaji selidik (survey) berkenaan draf Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang akan dijalankan untuk tempoh dua minggu bermula 1 hingga 14 Januari 2021.

Buat warga Melaka, anda boleh dapatkan borang survey secara atas talian pada pautan <https://forms.gle/Y2K3mukbTLwxvm5X9> atau dengan mengimbas kod QR yang turut dilampirkan dalam laman sosial Facebook rasmi Kerajaan Negeri Melaka.

Borang survey secara fizikal yang akan ditempatkan di jabatan, agensi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Negeri Melaka dan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) yang boleh diceitat melalui google form.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menerusi kenyataan medianya sebentar tadi berharap

seluruh warga negeri ini dapat meluangkan masa menjawab borang survey tersebut bagi memudahkan kerajaan negeri mengetahui hasrat rakyat dalam meneraju kemajuan serta pembangunan negeri amnya.

"Saya berharap seluruh rakyat Negeri Melaka dapat meluangkan masa untuk menyertai sesi libat urus ini dengan menjawab borang survey yang dilampirkan secara dalam talian (online) bagi membolehkan kerajaan negeri mengetahui tahap keyakinan rakyat terhadap kerajaan dalam memastikan hala tuju ke arah pembangunan komprehensif dan holistik Negeri Melaka, sehingga tahun 2035 dapat direalisasikan."

"Justeru, dengan maklum balas yang bakal diperoleh dalam sesi libat urus ini kelak, ianya akan digunakan dalam menambah baik draf PSMJ 2035 ini sebelum dokument ini dilancarkan," katanya.



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menunaikan solat subuh berjemaah bersama kariah di Masjid Al Mutaqqin, Kuala Linggi pada 2 Januari lepas. Foto Azren Jamaludin

## 115 acara pelancongan menarik sepanjang 2021

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**BANDARAYA MELAKA** - Kerajaan negeri menyediakan sebanyak 115 acara pelancongan yang diyakini mampu merancakkan kembali sektor pelancongan negeri ini pada 2021.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, daripada jumlah itu, 14 daripadanya merupakan acara pelancongan utama yang disediakan bertaraf antarabangsa bermula Januari hingga Disember tahun ini.

Menurutnya, acara pelancongan utama itu dimulakan dengan Chinese New Year Festival pada 29 Januari hingga 26 Februari dan diakhiri dengan Melaka Fiesta pada 30 dan 31 Disember nanti.

"Selain itu, kita turut menyediakan Melaka Food Fiesta pada 26 hingga 28 Februari, Melaka Dutch Week (6 Mac), Raptor Watch 2021 (13-14 Mac), Karnival Warisan Kita 2021 (26-28 Mac) serta Pesta Bunga Melaka pada 26 Mac hingga 4 April.

"Acara lain yang turut disediakan ialah The 18th Anniversary of Hostoric Melaka City Council pada 15 April, Fiesta San Pedro (26-28 Jun), 13th Anniversary of UNESCO World Heritage City Celebration (10 Julai), Melaka International Air Carnival-KUAM (24-26 September) serta Melaka By The Sea Carnival 2021 pada 30 dan 31 Oktober, selain pelbagai lagi acara-acara lain menarik menanti pelancong," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena Sambutan Ambang Tahun Baharu 2021 berserta Pelancaran Kalendar Acara Pelancongan 2021, di Auditorium Masjid Al Azim, baru-baru ini.



MUHAMMAD Jailani (kiri) menyempurnakan perasmian Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena Sambutan Ambang Tahun Baharu 2021 berserta Pelancaran Kalendar Acara Pelancongan 2021, di Auditorium Masjid Al Azim, baru-baru ini.

19, namun beliau percaya dengan segala perancangan dan pelbagai pendekatan baharu, selain kerjasama semua pihak mampu merealisasikannya.

Dalam majlis sama, Muhammad Jailani turut mengumumkan kerjasama bersama platform e-dagang terkemuka dunia, Lazada bagi menjalin perkongsian eksklusif dengan penggiat industri pelancongan Melaka untuk merangsang industri pelancongan negeri ini dan pada masa sama menyokong produk tempatan dalam tempoh-tempoh sukar ini.

Menurutnya, hasil jalinan kerjasama yang diwujudkan itu, pihak Lazada Malaysia turut menyuarakan kesediaan untuk mengenepikan yuran 'onboarding' dan 'listing' kepada 550 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi melonggarkan syarat masuk ke platform e-dagang itu, selain turut memberikan panduan dan latihan kepada para usahawan.

Dalam pada itu, Muhammad Jailani memaklumkan kerajaan negeri menetapkan sasaran 6.2 juta pelancong akan hadir ke Melaka pada 2021 melalui pelbagai acara yang telah disediakan.

Walaupun secara relatifnya sasaran itu dilihat cukup mencabar untuk dicapai sepanjang musim pandemik COVID-

# Zoo Melaka tidak patuh SOP adalah tidak benar - Jailani



JAILANI ketika mengadakan lawatan ke Zoo Melaka pada 30 Disember lepas.

Faiz Hasan

**AYER KEROH** - Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhammad Jailani Khamis membidas kenyataan Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob berhubung dakwaan isu tiada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di Zoo Melaka.

Malah katanya, gambaran seperti yang ditularkan dalam media sosial juga tidak benar sama sekali berikutan beberapa gambaran yang tular dirakam dari sudut sisi dan

menyukarkan pandangan jarak berbanding dirakam pada posisi hadapan.

"Kita memang melaksanakan pematuhan SOP tanpa kompromi terutama melibatkan penjaraan sosial di Zoo Melaka tapi yang dilihat kita, tak jarakan itu adalah apabila terdapat pengunjung yang datang bersama keluarga mereka.

"Malah, penjaraan antara keluarga dan keluarga yang lain memang dilaksanakan dengan jarak sekurang-kurangnya dua kaki atau satu meter.

"Saya minta tolong, dalam kita memulihkan ekonomi

pada pasca penularan COVID-19 janganlah ada yang menukar perkara berunsurkan fitnah di media sosial, kalau tidak boleh membina, jangan membina," tegasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Zoo Melaka, pada 30 Disember lepas.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman.

Jelasnya, pelbagai langkah keselamatan telah dilaksanakan oleh Zoo Melaka, termasuk langkah sanitasi dan disinfeksi

secara berkala dalam kawasan terbabit.

Jelasnya, langkah sanitasi dan disinfeksi akan dilaksanakan dengan kerap di kawasan tumpuan seperti di Amphitheater zoo tersebut, selain mengehadkan kemasukan pengunjung pada setiap kali persempahan diadakan.

"Kita mengehadkan seramai 250 pengunjung dalam sebuah masa berbanding yang boleh memuatkan seramai 600 pengunjung dalam kawasan berkenaan dan pihak Zoo Melaka akan segera melaksanakan sanitasi setiap kali selepas sesi persembahan," tambahnya.

## Kes jangkitan dari luar Melaka meningkat

- Sebanyak 969 kes positif dicatatkan setakat 28 Disember lalu.

Din Ahmad

**AYER KEROH** - Peningkatan kes COVID-19 di negeri ini yang berpunca daripada jangkitan dari luar Melaka meningkat kepada 25 kes setakat 29 Disember 2020 berbanding hanya lapan kes pada November 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, 14 daripada kes berkenaan adalah kontak kepada kes positif di negeri lain yang menyebabkan jangkitan kepada anggota keluarga dan komuniti di negeri ini.

Beliau berkata, jumlah berkenaan tidak termasuk kes import daripada saringan banduan di penjara negeri ini.

"Pergerakan aktif masyarakat meningkatkan risiko transmisi dalam komuniti, terutama apabila anggota masyarakat leka dan tidak mengendahkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

"Sebanyak 969 kes positif dicatatkan setakat 28 Disember lalu dengan jumlah kematian enam orang, iaitu 0.6 peratus daripada jumlah kes keseluruhan.

"Sebanyak 641 kes sembuh dengan peratus kesembuhan 66.2 peratus," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Sehubungan itu beliau meminta orang ramai supaya menangguhkan aktiviti merentas negeri dan mengelakkan pertemuan yang tidak penting.

Sesiapa yang bergejala dari kawasan berisiko seperti kawasan merah atau kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), harus segera menghubungi bilik gerakan daerah untuk penilaian risiko, katanya.

Mereka bagaimanapun harus melakukan kuarantin kendiri sebelum menjalani saringan kesihatan dan tidak harus merahsikan maklumat penting seperti kontak dengan kes positif COVID-19.

"Sila berada di rumah jika tiada urusan penting diluar dan jika ada urusan yang perlu dibuat, patuhilah SOP ditetapkan," jelasnya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut diminta menghubungi Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPKC) Melaka dengan menelefon 06-2356999/6851 atau melalui e-mel cprcmelaka@moh.gov.my.

Maklumat juga boleh diperoleh daripada Bilik Gerakan Daerah Melaka Tengah (06-2813353), Alor Gajah (06-5566391) dan Jasin (06-5293908).

## WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4 JANUARI 2021	6.03 am	7.17 am	1.19 pm	4.42 pm	7.17 pm	8.32 pm
5 JANUARI 2021	6.04 am	7.17 am	1.19 pm	4.42 pm	7.18 pm	8.32 pm
6 JANUARI 2021	6.04 am	7.18 am	1.19 pm	4.43 pm	7.18 pm	8.32 pm
7 JANUARI 2021	6.05 am	7.18 am	1.20 pm	4.43 pm	7.18 pm	8.33 pm
8 JANUARI 2021	6.05 am	7.19 am	1.20 pm	4.43 pm	7.19 pm	8.33 pm
9 JANUARI 2021	6.06 am	7.19 am	1.21 pm	4.44 pm	7.19 pm	8.34 pm
10 JANUARI 2021	6.06 am	7.19 am	1.21 pm	4.44 pm	7.20 pm	8.34 pm



GHAFAA'R menyaksikan pameran tapak lokasi bangunan Terminal Bas Pulau Sebang yang dilengkapi perkhidmatan kereta api dan dijangka beroperasi pertengahan tahun ini.



RAHMAD

# Yuran pelajar tingkatan 1 tangguh hingga Mei 2021



**NOOR Effandi (tengah) bersama Karim (kiri) dan Timbalan Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah Rosni Leman (kanan) menunjukkan data kemasukan pelajar baharu di Negeri Melaka bagi sesi persekolahan 2021.**

**JABATAN** Pendidikan Negeri (JPN) Melaka bakal menangguhkan pembayaran yuran persekolahan bagi pelajar tingkatan 1 di negeri ini sehingga Mei 2021.

Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah JPN Melaka Karim Tumin berkata, keputusan itu dibuat memandangkan pihaknya perlu mengambil kira keputusan kemasukan ke sekolah berasrama penuh (SBP) yang akan diumumkan pada Mac 2021.

Jelasnya, disebabkan keputusan kemasukan ke SBP sedikit lewat berbanding tahun-tahun sebelumnya, kesemua pelajar yang naik ke tingkatan 1 perlu memasuki sekolah aliran biasa terlebih dahulu dan disebabkan itu, yuran persekolahan perlulah ditangguhkan untuk mengurangkan beban ibu bapa seandainya anak mereka menerima tawaran ke SBP.

"Kita ambil langkah dengan meminta pihak sekolah agar tidak mengutip yuran pelajar tingkatan terlebih dahulu dan hanya membenarkan yuran dikutip pada Mei 2021."

"Kita ambil tindakan tersebut untuk mengurangkan beban ibu bapa seandainya anak-anak mereka ditawarkan ke SBP sekali gus mengelakkan mereka daripada perlu membayar yuran sebanyak dua kali."

"InsyaAllah keputusan ke SBP hanya akan diketahui pada Mac dan pada April, pelajar-pelajar yang layak akan mendaftar di SBP yang ditetapkan," katanya.

Terdahulu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengumumkan peperiksaan UPSR bagi tahun 2020 dibatalkan susulan penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Akibat pembatalan itu, pemilihan pelajar ke SBP, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Maktab Tentera Diraja (MTD) terpaksa menggunakan kaedah lain, iaitu ujian khusus untuk menentukan pelajar yang layak.

Dalam pada itu, mengulas mengenai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2020 yang ditangguhkan pada Mac 2021, Karim optimis, sekolah-sekolah menengah di negeri ini sudah bersedia dan berada di landasan yang betul untuk menerima semula kehadiran pelajar SPM 2020 bagi menghadapi sesi pembelajaran bersemuka pada 20 Januari depan.

Jelasnya, kemasukan itu sebagai persiapan terakhir sebelum pelajar-pelajar berkenaan menghadapi peperiksaan sebenar yang dijadual bermula pada 8 Mac 2021.

"InsyaAllah ruang yang ada daripada 20 Januari hingga Mac akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi membolehkan pelajar-pelajar SPM 2020 memberikan tumpuan terakhir, sekali gus meningkatkan momentum mereka," ujarnya.



**ISMAIL (kanan) menyerahkan replika kunci kepada Dr. Suratan (kiri) sebagai simbolik Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf PPIT sambil disaksikan Roslan (tengah) di PPIT Merlimau, baru-baru ini.**

## Realisasi jadikan Malaysia negara pengeluar tenusu

**Faiz Hasan**

**MERLIMAU** – Kerja-kerja menaik taraf bangunan Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT) dilihat sebagai antara usaha kerajaan merealisasikan hasrat menjadikan negara pengeluar tenusu menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr. Suratan Kamarudin berkata, PPIT merupakan antara inisiatif program pengeluar susu dan kerajaan menyasarkan pengeluaran susu 100 peratus berbanding rekod semasa iaitu 67 peratus.

Ujarnya, dengan terlaksananya inisiatif naik taraf bangunan PPIT, ia akan melancarkan urusan piawaian pengeluaran susu yang ditetapkan, sekali gus dapat menghasilkan pengeluaran tenusu berkualiti di negara ini.

"Kita harap dengan naik taraf PPIT ini mampu menerima pengiktirafan Amalan Perkilangan Baik (GMP) dan Amalan Keber-

sihan Veterinar yang Baik (GVHP) dengan pensijilan yang menekankan kualiti tenusu yang bukan saji pada penghasilan produk, cara operasi dan pusat pengumpulan.

"Dengan PPIT yang memenuhi piawaian ini ia mampu meningkatkan kecekapan dengan penerimaan bagi ujian tenusu, penempatan dan penghantaran tenusu ke kilang-kilang pemprosesan."

"Malah, kita turut menyediakan bahagian premis bagi pemprosesan pengeluaran produk susu yang mungkin boleh digunakan oleh pihak swasta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT) Serta Kerja-kerja Berkaitan di PPIT Merlimau, di sini baru-baru ini.

Pada program terbabit, upacara menandatangani sijil serahan telah dilaksanakan antara Dr. Suratan yang mewakili Jabatan Perkhidmatan Verinar dengan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Me-

laka, Datuk Ir. Ismail Ab. Rahman dan disaksikan Pengurus Jawatankuasa Pengangkutan, Kemudahan Awam, dan Infrastruktur negeri, Datuk Roslan Ahmad.

Sementara itu, Ismail berkata, projek menaik taraf PPIT yang dikelolakan JKR itu telah disiapkan empat bulan lebih awal dari tarikh jangkaan yang disiapkan dengan menelan peruntukan kos sebanyak RM1.408 juta.

Ujarnya, projek berkenaan telah dibangunkan pada Mac tahun lalu termasuk pembinaan bangunan baharu dan menaik taraf bangunan sedia ada dan telah disiapkan pada November lalu berbanding sasarnya pada Mac depan.

"JKR Melaka telah menyerahkan projek ini secara '11 dalam 1' di mana antaranya ia telah disiapkan lebih awal, penjimatan kos projek kira-kira RM12,000, penyerahan projek dengan sifar ke-malangan serta pelbagai lagi dalam membangunkan bangunan ini," katanya.

## Melaka tidak wajibkan buku latihan berlogo sekolah

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BUKIT BERUANG** - Melaka tidak mewajibkan murid dan pelajar sekolah di negeri ini menggunakan buku latihan berlogo lencana sekolah bagi mengurangkan beban ibu bapa membeli kelengkapan persekolahan.

Pengerusi Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal & Vokasional Sains dan Inovasi) negeri, Datuk Noor Effandi Ahmad berkata, pihaknya menyedari ada dalam kalangan ibu bapa yang kurang berkemampuan tatkala berdepan cabaran pandemik COVID-19.

Justeru, beliau meminta semua sekolah memberi kelonggaran agar buku latihan biasa tanpa logo sekolah juga dibenarkan untuk murid-murid di negeri ini.

Namun, ujarnya, jika ada

ibu bapa yang berkemampuan, tidak salah sekiranya menyokong inisiatif pihak sekolah dengan membeli buku berlogokan lencana sekolah berkenaan memandangkan keuntungan jualan akan kembali semula kepada anak-anak mereka sendiri.

"Sebenarnya, boleh sahaja kalau ibu bapa hendak membeli buku latihan tanpa logo sekolah. Mungkin ada ibu bapa boleh dapatkan bekalan itu dengan harga jauh lebih rendah dan mungkin juga ada yang kurang berkemampuan. Itu tidak salah."

"Tetapi untuk isu ini, kadang-kadang kita perlu juga menyokong inisiatif yang disediakan pihak sekolah. Kalau ada yang berkemampuan, tidak salah untuk menunjukkan sokongan kepada sekolah anak-anak mereka."



**NOOR Effandi**

"Kita percaya keuntungan daripada penjualan buku itu akan masuk kepada koperasi atau ia mungkin digunakan kembali oleh pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk aktiviti anak-anak kita semula," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Melaka Hari Ini di Pejabat Jabatan Pen-

dikanan Negeri Melaka (JPN Melaka), di sini baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah JPN Melaka Karim Tumin dan Timbalan Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah Rosni Leman.

Terdahulu, seorang aktivis di media sosial telah membangkitkan isu mengenai nasib ibu bapa yang kurang berkemampuan dalam membeli buku latihan berlogo sekolah di Negeri Melaka.

Dalam perbualan aktivis berkenaan, ibu bapa berkenaan mendakwa telah ditegur guru kerana menggunakan buku latihan tanpa logo sekolah pada sesi persekolahan sebelum ini dan meminta bantuan untuk urusan perbelanjaan persekolahan anak-anaknya bagi tahun 2021.

# Replika penyu dan telur penyu karah tarik perhatian pelancong

**REPLIKA** penyu karah unik yang terdapat di pantai Pengkalan Balak.

Din Ahmad

**TANJUNG BIDARA** - Sebanyak 10 penyu karah dan 20 telur haiwan itu mengejutkan pengunjung pantai peranginan Pengkalan Balak, di sini.

Mereka terpesona menyaksikan 10 penyu karah 'mendarat' di pantai itu mencari lokasi sesuai untuk bertelur.

Mereka juga gembira menyaksikan 20 'anak' penyu karah yang baharu menetas selepas dieram 60 hari dalam pasir pantai itu, selain keindahan pemandangan ketika matahari terbenam di ufuk barat.

Segala pemandangan indah itu disaksikan mereka ketika sekumpulan petugas syarikat Ciptra Bina Enterprise yang diketuai pemiliknya, Datuk Riduwan Mohd Said, 42, memasang replika penyu, telur penyu dan anak penyu baharu menetas di pantai baru-baru ini.

Riduwan berkata, replika diperbuat daripada gentian kaca di kilangnya di Ayer Keroh dicipta mengikut spesifikasi penyu karah yang dipulihara di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP) Padang Kemunting, di sini.

"Kami melaksanakan tugas diberikan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) untuk memperindah pantai peranginan ini dengan replika penyu karah dan anak penyu karah sebagai satu daripada daya tarikan utama industri pelancongan."

"Alhamdulillah, kami menyiapkannya dalam tempoh tiga minggu dan insya-Allah ia mampu menghadapi cuaca panas dan hujan serta tempias air laut ketika ombak besar," katanya ketika ditemui di pantai itu.

Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadzil Hassan berkata, MPAG memperuntukkan RM20,000 bagi menyediakan replika berkenaan sebagai satu daripada usaha memajukan industri pelancongan di pantai itu.

"Pantai Peranginan Pengkalan Balak dipilih kerana ia adalah satu daripada pantai di Melaka barat yang menjadi tumpuan penyu karah naik untuk bertelur."

"MPAG akan menambah baik landskap di sekitar replika itu khususnya dan pantai berkenaan secara keseluruhannya bagi menarik lebih

ramai pelancong mengunjunginya," katanya.

Pengunjung, Siti Rahmah Othman, 35, berkata beliau terpegun menyaksikan keindahan pemandangan di pantai itu yang dihiasi dengan kehadiran 'penyu' karah dan 'anak' penyu yang baharu menjengukkan kepalanya melihat dunia.

"Ia sangat cantik, terutama ketika matahari terbenam dan saya mengabadikan pemandangan indah itu melalui gambar yang saya hantar ke facebook," katanya.

Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Melaka, sebanyak 182 pendaratan penyu dicatatkan di negeri ini dari Januari hingga Mei lalu, berbanding hanya 106 dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Purata antara 400 hingga 500 sarang penyu karah dicatatkan di negeri ini setahun dengan Pantai Padang Kemunting mencatatkan lebih 100 pendaratan, iaitu yang tertinggi berbanding di kawasan lain, sekali gus menjadikannya menyumbang 25 hingga 30 peratus daripada keseluruhan pendaratan di negeri ini.

Sebanyak 4,595 sarang telur penyu dicatatkan di Melaka dari 2009 hingga 2018 dan menjadikan pantai di negeri ini sebagai lokas pendaratan penyu karah tertinggi di Semenanjung.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 545,117 telur penyu dijumpai di Pengkalan Balak, Padang Kemunting, Pasir Gembur, Balik Batu, Kem Terendak, Tanjung Bidara, Teluk Belanga, Kuala Linggi, Meriam Patah, Tanjung Serai, Tanjung Dahan dan Pulau Upah.

Sebanyak 320,679 anak penyu dilepaskan petugas PKPP ke laut dalam tempoh berkenaan, sekali gus menjadikan pantai di negeri ini sebagai lokas pendaratan penyu karah tertinggi di Semenanjung.

Lazimnya sebanyak antara 100 hingga 200 biji telur dikutip dari setiap sarang untuk dieramkan di pusat berkenaan dengan suhu di bawah 29 darjah Celsius untuk menghasilkan penyu jantan manakala untuk betina pula 30 darjah Celsius dan ke atas.

Daripada 1,000 anak penyu dilepaskan ke laut, hanya 30 atau 40 sahaja akan hidup dan menjadi kelangsungan hidup penyu karah.



## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

MAJLIS PERBANDARAN JASIN  
SENARAI NILAIAN BARU 2021

### NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 143 (2)

Menurut peruntukan subseksyen 143(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Jasin dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah mengesahkan Senarai Nilaian Baru untuk tahun 2021 pada 24 Disember 2020.

Salinan Senarai Nilaian Baru boleh diperiksa dalam waktu pejabat di tempat yang berikut:-

Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta,  
Majlis Perbandaran Jasin,  
Vista Alamanda,  
77000 Jasin,  
Melaka.

Bertarikh: 24 Disember 2020  
[MPJ/UU/1400-2/1 JILID 2 (34)]

**DATIN SAPIAH BINTI HARON**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Jasin  
Melaka

# Unit rondaan selesaikan 200 kes jalan berlubang di Melaka

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**MERLIMAU** - Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Melaka berhasil menyelesaikan kira-kira 200 kes jalan berlubang dari Mei hingga Disember 2020, hasil penubuhan unit rondaan yang memantau kes-kes seumpamanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri Datuk Roslan Ahmad berkata, unit rondaan itu telah ditubuhkan di setiap daerah oleh JKR Melaka selepas mengeluarkanaku janji sifar jalan berlubang di negeri ini pada Mei 2020.

Jelasnya, setiap unit rondaan yang ditubuhkan itu terdiri daripada sekurang-kurangnya empat pekerja yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pemantauan dan rondaan sekitar ada aduan kerosakan jalan yang berada di bawah bidang kuasa JKR.

"Bila terima aduan, unit rondaan ini akan buat rondaan dan jika benar terdapat jalan berlubang, penampalan semestara akan dilakukan dalam tempoh 24 jam. Seterusnya, dalam masa tiga hari kita akan lakukan tampalan kekal."

"Mereka bukan sahaja bertindak berdasarkan aduan, te-

tapi mereka juga mempunyai rutin tertentu untuk membuat rondaan."

"Boleh dikatakan dalam tempoh beberapa bulan ini lebih kurang 200 masalah jalan berlubang telah berjaya disesuaikan di negeri ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui melawat kerja-kerja pembinaan bumbung Sekolah Kebangsaan (SK) Sempang baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah JKR Melaka Datuk Ir Ismail Ab Rahman dan Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah JPN Melaka Karim Tumin.

Mengulas lanjut, Roslan berkata, JKR tidak seharusnya menjadi satu-satunya agensi yang dipersalahkan orang ramai sekitarannya berlaku masalah jalan berlubang.

Menurutnya, orang ramai perlu memahami bahawa jalan-jalan negeri terbahagi kepada empat iaitu jalan di bawah JKR, jalan di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT), jalan di bawah Pejabat Daerah dan Tanah dan jalan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Selain itu, ujarnya, masalah jalan berlubang juga mungkin berlaku disebabkan oleh kerja-kerja pengorekan yang dilakukan oleh syarikat kemudahan awam (utilities) seperti



**ROSLAN** (kanan) menerima cenderahati daripada Ismail (kiri) selepas hadir menyempurnakan simbolik penyerahan kunci blok pentadbiran SK Sempang yang selesai dibaik pulih JKR selepas mengalami kebakaran pada April 2019 lalu.

syarikat air, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad mahu pun Indah Water Konsortium.

"Syarikat kemudahan awam ini kebiasaannya melantik kontraktor mereka sendiri untuk melakukan kerja pengorekan dan tampilan semula jalan. Masalah yang berlaku ialah apabila kerja-kerja penampalan itu tidak dilakukan dengan betul."

"Bila tampil tidak mengikut spesifikasi dan jika berlakunya hujan, maka jalan akan berlubang. Dan bila jalan berlu-

bang orang salahkan JKR lagi sedangkan kesalahan itu dilakukan pihak lain, katanya."

Roslan berkata, atas sebab itu masalah berkenaan telah dibawa ke mesyuarat Koridor Infrastruktur Awam (PKI) negeri yang mana satu keputusan telah dicapai iaitu melantik satu panel yang akan memantau setiap kerja-kerja pengorekan jalan oleh syarikat kemudahan awam terbabit.

Jelasnya, sekiranya kerja-kerja yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi yang diin-

ginkan, maka panel yang dilantik itu akan menyelesaikan masalah pada jalan terbabit dan akan mengenakan caj tersebut kepada syarikat kemudahan awam terbabit.

"Inilah antara tindakan yang akan kita lakukan untuk mengatasi masalah jalan berlubang di negeri ini. Nak kata semuanya akan sempurna, mungkin tidak. Tetapi sekurang-kurangnya kita berikrar lakukan yang terbaik untuk keselesaan pengguna," katanya lagi.

## Teruja terima bantuan persekolahan RM20,000



**NOR** Azman (dua dari kanan) bersama Mohamad Nizam (empat dari kiri) melihat barang keperluan sekolah yang disumbangkan kepada kanak-kanak pada program Back To School anjuran Tanjung Bruas Port bersama Japerun Pantai Kundor di Kampung Balik Bukit, Pantai Kundor. Foto: MR. Azli

**PANTAI KUNDOR** – Seramai 100 kanak-kanak diraikan pada majlis sumbangan bantuan persekolahan sekali gus meringankan beban ibu bapa yang berdepan cabaran ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Kesemua kanak-kanak berusia antara lima hingga 13 tahun itu menerima sumbangan wang tunai RM100 dan kelengkapan persekolahan pada Program Kembali ke Sekolah anjuran Pelabuhan Tanjung Bruas di sini baru-baru ini.

Ibu enam anak, Nurul Hartini Dollah, 34, berkata, dia sangat bersyukur dan berterima kasih apabila keempat-empat anaknya yang akan bersekolah tahun depan terpilih menerima sumbangan tersebut.

"Syukur alhamdulillah kesemua anak saya berusia lima, tujuh, lapan dan sembilan tahun dipilih menerima sumbangan bernilai lebih RM700 itu."

"Dalam keadaan cabaran ekonomi akibat COVID-19 ketika ini, sumbangan ini sememangnya meringankan beban saya dan suami," kata-

nya. Antara kelengkapan yang diterima mereka termasuklah beg sekolah, kotak pensel, set alat tulis dan kit COVID-19 iaitu pelitup muka dan cecair pembasmi kuman.

Sumbangan disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan bersama-sama Pengurus Besar Pelabuhan Tanjung Bruas, Mohamad Nizam Ibrahim.

Sementara itu, kanak-kanak, Mohd Daniel Norhisham, 11, berkata, dia sangat teruja menerima sumbangan tersebut dan bersiap seawal pukul 7 pagi untuk ke program tersebut.

"Saya rasa tidak sabar untuk ke sekolah dan menggunakan peralatan belajar yang serba baru," katanya yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Lereh.

Terdahulu, Nor Azman dalam ucapannya turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Pelabuhan Tanjung Bruas atas sumbangan yang dianggarkan bernilai RM20,000 itu.

"Saya harap sumbangan ini secara langsung dapat menaikkan semula semangat anak-anak di kampung ini untuk kembali ke alam persekolahan yang berbaki kurang sebulan lagi," katanya.

**MELAKA HARI INI**

NO.TEL : 06 - 251 9314,  
06 - 251 9315  
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN  
**MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID**  
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG  
**MOHD HAMIZATUL AKMAR ZAKARIA**  
yondaim87@melakaharlini.my

JURUFOTO KANAN  
**AZREN JAMILUDIN**  
azren86@gmail.com

LIANA SAHABUDIN  
liyan90@melakaharlini.my

**MOHD FAZRUL ABDUL MAJID**  
fazrul@melakaharlini.my

**FARAH SUHAIDAH OTHMAN**  
farahothman@melakaharlini.my

**REKABENTUK & GRAFIK**

**AMBRAN MOHAMED**  
ambran@melakaharlini.my

**MIMIE AZURA ABU BAKAR**  
mimieazura1981@melakaharlini.my

**ZUL RAHIMI RAMLI**  
mk7.zul@melakaharlini.my

**PEMASARAN**

**PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI**  
amz@melakaharlini.my  
018 - 251 9336

**SITI NAJIHA ABDULLAH**  
elhanajiah0@melakaharlini.my

**UNIT MEDIA SOSIAL**

**EKSEKUTIF IZAIDA RAHIANAH IDRIS**  
izraihanah363@gmail.com

**SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHADIZIR**  
khaldiah@melakaharlini.my

**MELAKA TV**

**KETUA ASHALIA YUSOF**  
ashalayusof@melakaharlini.my

**WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAikal**  
farishakal.zakaria@melakaharlini.my

**PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN**  
osmanrabiah@melakaharlini.my

**JURUKAMERA ISMAIL IBRAHIM**  
dakmail92@melakaharlini.my

**AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI**  
aufazzati98@melakaharlini.my

**AMIRUL RAMLI**  
amirulramli990@melakaharlini.my

# SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2021

*Setulus &ikhlas daripada*



PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH,  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN  
SELURUH WARGA KERJA PERBADANAN  
KEMAJUAN NEGERI MELAKA

# SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2021



*Ikhlas daripada*  
**Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis,  
Seluruh Warga Kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya**  
*“Bandaraya Pintar”*



[www.mphtj.gov.my](http://www.mphtj.gov.my)



[www.facebook.com/mphtj](https://www.facebook.com/mphtj)



[@mp\\_hangtuahjaya](https://www.instagram.com/mp_hangtuahjaya)



# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)



SEBAHAGIAN peserta kursus hadir pada program itu.

## Perkuuh akidah Islam saudara muslim

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**PEMURNIAN** ibadat antara wadah penyampaian yang dilihat cukup berkesan untuk membina sahsiah terpuji termasuk dalam kalangan saudara muslim atau mualaf.

Berdasarkan wadah itu, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bahagian Balai Islam mengambil inisiatif menganjurkan program Tafaqquh Fiddin Saudara Muslim Negeri Melaka baru-baru ini.

Program itu telah berjaya menghimpunkan seramai 50 orang saudara muslim sekitar negeri ini yang mana mereka merupakan saudara muslim yang baru memeluk Islam pada tahun ini.

Perlaksanaan dan penganjuran program itu bertujuan memberi kefahaman lebih mendalam kepada saudara

Muslim tentang ajaran Islam yang disusuri aturan berasaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW serta pemahaman sejati ahli sunnah wal jamaah.

Program yang dihiasi dengan ceramah dan tazkirah oleh penceramah jemputan itu, mampu memberi semangat tambahan kepada saudara muslim supaya sentiasa meningkatkan azam dan iltizam bagi mendalami pengetahuan serta kefahaman Islam.

Menjadi keutamaan MAIM untuk memastikan kekerapan penganjuran program seperti ini sebagai satu usaha dan cara untuk bersama-sama menyantuni golongan saudara muslim yang kebanyakannya terdiri daripada pelbagai latar belakang kehidupan.

Dari segi aspek keturunan, budaya dan bahasa mahupun pendidikan menjadikan krite-

ria utama yang perlu diberi perhatian dalam usaha untuk menyelami jiwa kefaqihan mereka mengenali Islam dengan lebih mendalam.

Intipati program juga menerapkan kaedah terbaik kepada peserta tentang keindahan serta hikmah apabila menyusuri hidup berpandukan ajaran Islam dan memastikan penghayatan ilmu berpaksikan syariat Islam.

Menjadi keutamaan program memberi pendedahan termasuk latihan secara teori dan praktikal berkenaan aqidah serta solat kepada peserta selain amalan kehidupan Islam seharian.

Saudara Muslim juga perlu mengikuti kelas pengajian harian yang dianjurkan oleh MAIM secara percuma supaya mereka dapat mendalami pelajaran agama Islam yang dikendalikan guru berauliah.



PENCERAMAH berauliah menjadi sandaran bersama saudara muslim mengikuti semua program yang dianjurkan MAIM.

# Kunjung hormat Zakat Melaka (ZM)

**KUNJUNGAN**  
Syarikat  
Dominant Energy  
Sdn Bhd bagi  
penyerahan  
zakat perniagaan.



PELUNASAN Zakat oleh Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Mohamad Abazafree Mohd Abbas.



**TINJAUAN** ke atas sebahagian tanah di atas lot 1543 Mukim Tangga Batu yang telah diwakafkan oleh pewakaf, Zainon Suboh yang memberi tujuan penggunaan wakaf am. Hasil penilitian terdapat sebuah rumah yang memberi pilihan kegunaan bersama masyarakat Islam di sekitar kariah berkenaan.

**PEGAWAI** Wakaf MAIM, Ataillah Zakariah menerima sumbangan saham wakaf tunai daripada Noraini rahmat dan Fauziah Rahmat baru-baru ini. Pewakaf berkenaan menyatakan hasrat serahan saham wakaf tunai itu dilaksanakan bagi tujuan wakaf masjid, surau dan juga madrasah di negeri ini.

**Ke Manakah Wakaf Anda?**

# Jam Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1 MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2 Download APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3 Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4 MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM)  
0401 5010 0174 34

**Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja**

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



# Janji Allah itu pasti

“ ANTARA aspek ibadah yang menjaga kemaslahatan ummah dan mendapat ganjaran pahala yang berganda serta rezeki yang melimpah-ruah adalah melaksanakan ibadah zakat, harta yang diperolehi akan bertambah berkat dan subur seterusnya dapat dikongsi bersama-sama mereka yang memerlukan. ”

PADA tahun ini negara Malaysia bahkan seluruh dunia diuji dengan penyakit berjangkit iaitu penularan pandemik COVID-19. Allah SWT menguji hamba-Nya supaya mengingati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Setiap apa yang berlaku ada hikmah disebaliknya supaya hamba-Nya bersabar dan tabah menghadapinya.

Janji Allah SWT itu pasti jika hamba-Nya sentiasa mentaati perintah-Nya dengan beriman dan bertaqwa atas segala ibadah yang dilaksanakan semata-mata mendapatkan keredaan daripada Allah SWT. Antara aspek ibadah yang menjaga kemaslahatan ummah dan men-

dapat ganjaran pahala yang berganda serta rezeki yang melimpah-ruah adalah melaksanakan ibadah zakat, harta yang diperolehi akan bertambah berkat dan subur seterusnya dapat dikongsi bersama-sama mereka yang memerlukan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 261:

Yang bermaksud: “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah S.W.T, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah S.W.T akan*

*melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah S.W.T Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.*”

Justeru itu, sebagai umat Islam yang mengakdirinya beriman dan ingin mendapatkan keberkatan dan keredaan Allah SWT serta syafaat daripada Rasullullah SAW di akhirat nanti, maka marilah kita bersama-sama menuaikan kewajipan Zakat Harta ini dengan penuh keikhlasan kerana Allah SWT. In Sya Allah. Mudah-mudahan hidup kita semasa di dunia

ini akan dikurniakan kebahagiaan hidup dan selamat di dunia serta di akhirat nanti.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian **1-300-88-0233** di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp **011-58583885** untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : **1-300-88-0233** WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
– (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

## ZAKAT ZAKAT PENDAPATAN

Kaedah 1



KADAR ZAKAT  
**2.5%**

### CONTOH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

#### ✓ KAEDAH 1 : TANPA PENOLAKAN

2.5% atas jumlah pendapatan kasar setahun

PENDAPATAN

- i. Gaji sebulan RM 4,000.00 x 12 bulan : = RM 48,000.00
- ii. Elaun sebulan RM 250.00 x 12 bulan : = RM 3,000.00
- JUMLAH PENDAPATAN : = RM 51,000.00

Kadar Zakat Yang Dikenakan :  
RM 51,000.00 x 2.5% setahun  
RM 1,275.00 / 12 bulan

NISAB ZAKAT  
TAHUN 2020  
**RM 15,767.73**



Sila Imbas

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

**KIRA ➤ SEMAK ➤ DAFTAR ➤ BAYAR**

1-300-88-0233

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Zakat Melaka

[zakat.melaka](http://zakat.melaka)

Zakat Melaka

<https://iwakaf.maim.gov.my>

## ZAKAT ZAKAT PENDAPATAN

Kaedah 2



KADAR ZAKAT  
**2.5%**

### CONTOH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

#### ✓ KAEDAH 2

Pendapatan setahun ditolak dengan keperluan hidup (asas) setahun

##### A. PENDAPATAN

- i. Gaji sebulan RM 4,000.00 x 12 bulan : = RM 48,000.00
- ii. Elaun sebulan RM 250.00 x 12 bulan : = RM 3,000.00
- JUMLAH PENDAPATAN : = RM 51,000.00

= RM 48,000.00  
= RM 3,000.00  
= RM 51,000.00

##### B. PERBELANJAAN (Ditolak)

- i. Diri sendiri - RM 8,000.00 (setahun)
- ii. Isteri - RM 5,000.00 (setahun)
- iii. Anak - RM1,000.00 seorang ( $2 \text{ Orang} \times \text{RM } 1,000.00$ ) = RM 2,000.00 (hanggungan suami)
- iv. Sumbangan Ibu Bapa (setahun)
- v. KWSP / LTAT (11%) (setahun)
- vi. Takaful (setahun)
- vii. Lembaga Tabung Haji (setahun)
- JUMLAH PERBELANJAAN

= RM 8,000.00  
= RM 5,000.00  
= RM 2,000.00  
= RM 1,200.00  
= RM 5,610.00  
= -  
= -  
= RM 21,810.00

##### C. JUMLAH YANG LAYAK DIZAKAT (A-B)

Kadar Zakat Yang Dikenakan :  
RM 29,190.00 x 2.5% setahun  
RM 729.75 / 12 bulan

= RM 29,190.00  
(Melebihi Kadar Nisab)  
= RM 729.75 (Setahun)  
= RM 60.81 (Sebulan)

**NISAB ZAKAT  
TAHUN 2020  
RM 15,767.73**

**KIRA  
SEMAK  
DAFTAR  
BAYAR**



Sila Imbas

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

# JOM BERWAKAF

“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-



# Cakna Kasih Asnaf Sekitar Daerah Jasin



PEGAWAI Agihan Zakat MAIM Cawangan Jasin, Norazam Ismail meninjau sendiri proses pembaikan rumah milik asnaf yang telah siap dibaiki.



SERAHAN sumbangan wang tunai dan kit makanan kepada asnaf yang terjejas berikutan kesan penularan pandemik Covid-19 di negeri ini.



Permohonan Pengalihan Kubur Islam Lama

Kiraan & Agihan Fidyah

Kiraan & Agihan Kaffarah

Khidmat Nasihat Pengurusan Pusaka

Serahan Harta Luqatah (Barang Tercicir)

Taibung Amal Jariah Negeri Melaka (TAJM)

Penandaan Arah Kiblat

Kevenaran/Lanjutan Pungutan Khairat

Harta/Wang Tidak Patuh Syariah

Penebusan/Pembelian Bahagian Baitulmal

**11**  
**PERKHIDMATAN**  
**BAITULMAL**  
**MAIM**

Sewaan Hartanah Baitulmal

Sila Hubungi/ kunjungi

Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka  
Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, Melaka  
(06-283 7416 / 06-284 9809)



# SMART A+

**SOALAN LATIHAN &  
TEKNIK MENJAWAB SPM  
SUBJEK : SEJARAH**

## PENTAKSIRAN SEJARAH SPM 2020

### PENGENALAN

BERMULA tahun 2013, mata pelajaran Sejarah dijadikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai mata pelajaran wajib lulus bagi semua calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini bermaksud jika tidak lulus mata pelajaran Sejarah, calon-calon tidak akan mendapat sijil SPM. Pembinaan soalan-soalan Sejarah SPM berdasarkan 10 bab dari bab Tingkatan 4 dan 9 bab Tingkatan 5. Secara keseluruhan, 19 bab perlu dikuasai oleh calon-calon SPM bagi memperoleh keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah. Walaupun sukan pelajaran Sejarah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) berakhir pada tahun 2020, kewajiban untuk lulus mata pelajaran Sejarah tetap diteruskan.

### Pentaksiran Sejarah SPM 2020

Kertas Sejarah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terbahagi kepada **3** Kertas .

#### i) Kertas 1 (1249/1)

- terdiri daripada 40 soalan objektif
- item soalan berbentuk **ITEM OBJEKTIF** iaitu **ANEKA PILIHAN** dan **ANEKA PILIHAN BERPELENGKAP**
- Masa menjawab iaitu 1 jam.
- Peruntukan markah – 40m
- Wajaran markah – 30%

### Contoh Soalan Objektif Aneka Pilihan

#### SPM 2018 (soalan 10)

Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW menyebarluaskan ajaran Islam setelah mendirikan kerajaan Islam Madinah?

- A Menawarkan bantuan kepada wilayah lain
- B Meneroka kawasan petempatan baharu
- C Mengutus surat kepada kerajaan lain
- D Melaksanakan dasar perkuasaan kuasa

### Contoh Soalan Objektif Aneka Pilihan Berpelengkap

#### SPM 2018 (soalan 7)

Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan Sistem Kabilah.

Apakah kesan amalan sistem berikut ?

- I Perang kerap berlaku
- II Sistem beraja merosot
- III Pengaruh asing lemah
- IV Semangat assabiah muncul

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

### TIPS MENJAWAB KERTAS 1 SEJARAH (1249/1)

Beberapa tips diberikan kepada calon-calon SPM semasa menjawab soalan Sejarah.

1. Setiap soalan perlu dibaca dengan teliti.
2. Fahami kehendak soalan.
3. Pastikan kata tugas / arahan.
4. Baca semua pilihan jawapan.
5. Singkir jawapan yang salah/ tidak relevan.
6. Hitamkan jawapan pada kertas jwapan OMR dengan menggunakan pensel 2B
7. Jawab soalan yang tahu dahulu.
8. Tinggalkan soalan yang tidak tahu.
9. Tanda/ bulatkan soalan yang belum dijawab pada kertas soalan atau kertas jawapan OMR supaya tidak tertinggal.
10. Padamkan tanda yang dibuat pada kertas jawapan selepas menjawab soalan yang ditinggalkan.
11. Semak semula jawapan.
12. Anggaran masa untuk menjawab satu soalan dijawab adalah 1 minit.
13. Lebihan masa 20 minit digunakan untuk menyemak semula jawapan.

### TIPS SKOR KERTAS 1 SEJARAH (1249/1)

3 tips untuk skor sejarah :

1. Baca dan kuasai semua tajuk tingkatan 4 dan tingkatan 5.
2. Ulangkaji semua tajuk.
3. Ulang kali menjawab soalan sebenar SPM



### CONTOH PANDUAN MENJAWAB SOALAN KERTAS 1 SEJARAH (1249/1)

#### SPMU 2020 (soalan 36)

Dasar Kependudukan telah diumumkan oleh kerajaan pada 29 Mac 1984. Mengapakah dasar tersebut dijangka dapat membantu meningkatkan kemajuan ekonomi Malaysia?

- I Pelabur luar terhad
- II Buruh asing merosot
- III Tenaga kerja bertambah
- IV Pasaran tempatan meluas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

#### Panduan Menjawab Soalan Di atas

1. Calon perlu membaca soalan dengan teliti.
2. Cari kata tugas atau arahan dan tandakan / *highlight*.
3. Fikirkan kehendak soalan
4. Baca keempat-empat pilihan jawapan.
5. Pastikan pilihan jawapan yang tidak tepat dan singkirkan.

Jawapan bagi soalan tersebut adalah **D** kerana pertambahan pekerja akan meningkatkan produktiviti. Pertambahan penduduk pula akan meluaskan pasaran tempatan. Kesannya, ekonomi Malaysia akan menjadi maju dan meningkat.

#### Penerangan panduan

Dasar Kependudukan telah diumumkan oleh kerajaan pada 29 Mac 1984. Mengapakah dasar tersebut dijangka dapat membantu meningkatkan kemajuan ekonomi Malaysia?

- I Pelabur luar terhad
- II Buruh asing merosot
- III Tenaga kerja bertambah
- IV Pasaran tempatan meluas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

#### Kata tugas :

- Kehendak soalan :** Sebab dasar kependudukan dapat meningkatkan kemajuan ekonomi
- Singkirkan jawapan tidak tepat :**
- I Pelabur luar terhad
  - II Buruh asing merosot
- Ulasan : Kedua-dua pilihan jawapan tidak meningkatkan kemajuan ekonomi Malaysia.


#### Latihan Pengukuhan Kertas 1

1. Perkembangan yang pesat dalam perancangan bandar berlaku pada sekitar tahun 2000 S.M. dalam Tamadun Indus. Apakah faktor yang mendorong perkembangan tersebut?
  - A Kegiatan keagamaan
  - B Kemahiran ilmu geometri
  - C Kejayaan kegiatan penerokaan
  - D Keluasan kawasan pemerintahan
2. Gambar berikut berkaitan dengan amalan penilikian oleh masyarakat Hwang Ho. Tulang oracle



Apakah sumbangan amalan tersebut kepada Tamadun Hwang Ho ?

- A Senjata untuk berperang
  - B Pengenalan sistem tulisan
  - C Alat upacara pengebumian
  - D Lambang status masyarakat
3. Mengapakah dua orang konsul dilantik dalam sistem pentadbiran Rom ?
  - A Mengukuhkan kuasa
  - B Mengelakkan perpeperangan
  - C Meluaskan peluang mentadbir
  - D Mengelakkan pemusatan kuasa



# Anak muda Melaka dilantik Presiden MIYC

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BANDA HILIR** - Anak muda dari Melaka, Dhanesh Basil telah angkat sebagai Presiden Majlis Belia India Malaysia (MIYC) ke-7 dalam Majlis Perhimpunan Agung Perwakilan Tahunan Ke-25 yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, baru-baru ini.

Dhanesh yang juga Pengurus Majlis Belia India Negeri Melaka mengambil alih tampuk kepimpinan itu daripada penyandangnya, M Sivalalan bagi penggal 2019 hingga 2022.

Kepimpinan pemuda berusia 28 tahun itu bukanlah sesuatu yang perlu dipertikai lagi apatah lagi bakat kepimpinan

nannya mula terserlah sejak usia muda lagi.

Da bermula sebagai pen- gasas Malacca Indian Youth Association (MIYUS) yang mana dari situlah bakatnya lebih terserlah dengan menjadi Koordinator Sekretariat Majlis Belia Komonwel.

Melalui Majlis Belia Komonwel, Dhanesh telah me-

wakili negara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Persida- nangan Belia Komonwel dan Persidangan Ketua-Ketua Ke- rajaan Komonwel.

Penglibatan beliau sebagai seorang belia dalam pertu- buhan Komonwel telah me- ngatur langkah seterusnya un- tuk menjadi Koordinator Ran- tau Asia bagi Pertubuhan Komonwel Diraja.

Di atas penglibatannya itu, dia telah menjulang pelba- gai anugerah seperti johan Anugerah Belia Negara Pe- ringkat Negeri Melaka 2019, Golden Achievement Award MMU dan bermacam-macam lagi.

Di Melaka, selain diang- kat sebagai pengurus majlis belia negeri, Dhanesh juga bukan nama asing dalam Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) apabila dilantik se- bagai Ketua Penerangan pada 2019.

Kesemua penglibatan dan pencapaian yang diraih- nya itu melayakkannya kini menduduki tampuk kepimpinan tertinggi negara, khusus dalam memacu kemajuan be- lia India di Malaysia.



**DHANESH** (tengah) dilantik sebagai Presiden MIYC ketujuh dalam Majlis Perhimpunan Agung Perwakilan Tahunan Ke-25, baru-baru ini.

dan serta masyarakat India di negara ini ke satu tahap yang lebih tinggi," kata Dhanesh kepada Melaka Hari Ini.



## Ikan merah ibarat ‘emas’

**Din Ahmad**

**TANJUNG BIDARA** - Ikan merah yang bahar- u didararkan nelayan di pantai Melaka barat, di sini diibaratkan seperti ‘emas’ kerana ia amat sukar diperoleh.

Ikan merah yang bahar- u didararkan di pantai itu dikesan mengalami kenaikan harga hingga RM40 sekilogram sejak setahun lalu berikutan kesukaran untuk mendapatkannya.

Nelayan mendakwa, ikan berkeraaan semakin sukar diperoleh, dipercayai akibat kemunsuhan batu karang yang berfungsi sebagai habitat pembiakannya sejak beberapa tahun lalu.

Ikan merah atau istilah saintifiknya ‘Lutjanus Argentimaculatus’ adalah ikan gred A yang sebaris dengan ikan kerupu cantik, kurau, se-

nangin, bawal cermin, bawal cepak, senohong, jenahak dan seumpamanya yang dijual nelayan pada harga tinggi di kawasan berkenaan.

Mohd Asri Rosli, 30, yang turun ke laut bersama-sama bapanya, Rosli Omar, 67, ber- kata ikan merah sentiasa menjadi idaman ne- layan setiap kali mereka menangkap ikan dengan menggunakan kaedah merawai, iaitu menggunakan antara 800 hingga 1,000 mata kail yang dipasang umpan ikan kecil seperti tamban, selangat dan beliak mata.

“Setiap kali turun merawai, tiada nelayan yang tidak mahu mendapat ikan merah, jenahak, kurau, senohong dan lain-lain kerana ikan itu tinggi harganya dan berbaloi dengan tenaga yang dikeluarkan dari pagi hingga petang.

“Bagaimanapun, sejak tiga tahun lalu, ikan gred A itu semakin sukar diperoleh dan ada ka-

lanya sampai berbulan-bulan kami tidak pernah dapat menangkapnya,” katanya ketika ditemui di Pangkalan Nelayan Kampung Pasir Gembor, di sini baru-baru ini.

Rosli berkata, berikutan kesukaran untuk mendapatkannya, harga ikan gred A, terutama ikan merah melambung hingga RM40 sekilogram tetapi ia tetap menjadi rebutan orang ramai yang menunggu nelayan naik ke darat.

“Ikan merah rasanya berbeza dengan ikan gred A yang lain, apatah lagi ikan gred B dan C kerana selain manis, ikan merah juga ada rasa lemak yang menyebabkan tangan kita walaupun sudah dibasuh selepas makan, masih terasa akan lendir ikan itu,” katanya.

Beliau menjelaskan, seperti ikan gred A yang lain, ikan merah hidup di habitat batu karang di dasar laut dan lazimnya hidup secara berkumpulan.

Katanya, sepanjang 45 tahun mencari rezeki di laut, beliau pernah memperoleh 40 ikan merah yang setiap seekor seberat antara satu hingga tiga kilogram sekali turun ke laut pada tahun 1970-an dan 1980-an.

“Ketika itu ikan merah agak mudah ditangkap dengan cara mer-awai hingga ada ketikanya saya dapat antara 40 hingga 50 ekor dan penuh petak menyimpan ikan dalam perahu tetapi sekarang beza-nya ibarat langit dengan bumi,” ka- tanya.



**NELAYAN** mengeluarkan hasil tangkapan dari geladak perahu gentian kaca.



**PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican**

# Kedah on My Mind: Erecting the Memory of the 1821 Siamese Invasion



SIAMESE forces invaded Kedah in 1821 – to be exact on 12 November. That turned out to be the most brutal, bloodiest, protracted war the country has ever seen. It lasted until 1841. That war is the story of Kedah's resistance to Siamese occupation. It has passed virtually unknown in the annals of the nation's history.

Siam's aggression and suzerainty over Kedah has been well narrated. But this episode evoked unhappy and angry memories amongst the Kedah natives. It began in 1820. That year, the governor of Nakorn Si'thammarat visited Bangkok on a mission that, apart from the other major issues of the anticipated Burmese invasion, was basically designed to seek King Rama II's approval for the invasion of Kedah, and the extension of Siamese suzerainty over the other Malay states, especially Perak and Selangor.

According to historian R. Bonney in his book *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence* (1971) the Governor had, among other things, accused Sultan Ahmad Tajuddin of being in contact with arch enemy the Burmese.

And Kedah has always been strategic and global. Kota Kuala Kedah was cosmopolitan and global for a few hundred years since the 16th century. The British "killed" it when they occupied Pulau Pinang. To the Siamese (and the British) the control of the Isthmus was vital. It provided access to both the Bay of Bengal and the Gulf of Siam. And control of the western and eastern seabards of the northern part of the peninsula deprive either of this access.

The invasion was seen by the Siamese and the Burmese (perhaps also by the British who was privy to Siam's intention) as having full military, diplomatic, economic and commercial implications. According to Bonney, Kedah with its ship-building centres and food resources was vital to the strategy. But the Siamese ambition to play the geopolitical game and gain control of the western seaboard bore great costs to lives and property.

Their appearance on a Sunday afternoon, 12 November of 1821 at Kota Kuala Kedah was unexpected. The Siamese explained their presence. Their armada had only wanted to procure supplies of rice for a surprise expedition against the Burmese. Soon after, heavily armed

landing party slipped ashore, supported by more troops entering Kedah's inland frontiers from the northern and eastern borders. It was well coordinated, swift and cruel. The occupation of Kedah by Siam

Kedah: Religion, Trade and Society, 2013) provided a powerful narrative of the Siamese invasion. He described the situation in Kedah then as rapidly deteriorating. Little is known about the precise population

replaced Sultan Ahmad Tajuddin with his uncle and predecessor, Tunku Diauddin (or Ziaudin) who died in 1822. Sultan Ahmad Tajuddin, who acceded to the throne in 1803 (died 1845), fled to safety. He

enclosed by any Malay polity in memory. Kedah Darulaman turned into a wasteland, subsequently leading to the collective Malay distrust of the Siamese.

This year is the 200th anniversary of the war. Kota Kuala Kedah, the Kuala Kedah authorities, the Kedah state government and the federal government should mark its memory in more ways than a passing event. The memory of the war in the land of the *Hikayat Merong Mahawangsa* must be given life that it never had. A national memorial, listing all the names who vanquished must be erected.

There are no official records of those who lost their lives. Some that I spoke to in recent times put the figure as between 15,000 to 20,000. A national consciousness through a national narrative must begin in 2021. It is still not too late.

**NEXT WEEK:**  
**A Kingdom without Soldiers**

**“This year is the 200th anniversary of the war. Kota Kuala Kedah, the Kuala Kedah authorities, the Kedah state government and the federal government should mark its memory in more ways than a passing event. The memory of the war in the land of the *Hikayat Merong Mahawangsa* must be given life that it never had. A national memorial, listing all the names who vanquished must be erected.”**

ensued for the next two decades.

Many were tortured, speared, and bodies trampled by Siamese elephants. The unhappy memory among a small group of concerned Kedahans linger on. The people of Kedah were scattered. Some made their way to Pulau Pinang - a Kedah island whose status is still contested to this day. Between 1821 to 1823, some 11,000 fled to the island. Another 9,000 moved and settled in Seberang Perai.

Historian and scholar of Southeast Asia, Maziar Mozaffari Falarti in his 2009 thesis titled *Kedah: the Foundations and Durability of Malay Kingship* (later published as a book titled Malay Kingship in

of pre-1821 Kedah, with estimates ranging from 40,000 to 180,000 but "it is thought that the population was reduced to less than 6,000 during the first six years of Siamese rule.

According to Falarti, thousands of Kedah's population either perished or were enslaved during and after the invasion of 1821; and attempts by the Siamese to settle Siamese cultivators and other peoples in Kedah appeared to have had only limited success. The depopulation of Kedah has much ramifications on the demography of other parts of the peninsula stretching both toward the south, and the north which now Thai territory.

Even the Sultan was not spared. Soon after the Siamese invasion, they

was followed by thousands of Kedah's population. Subsequent there were revolts and uprisings in 1823-24, 1828-9, 1831-2, and 1838-9.

In 1838-9, a Malay uprising led by Tengku Mohammed Saad, the nephew of former Sultan Ahmad Tajuddin to recapture Kedah went on for six months. The Penang Gazette and Straits Chronicle dated 3rd November 1838 reported that 10 – 12,000 Malays had entered Kedah from "all directions." This means that the resistance did not only come from within Kedah, but from other parts of Malay peninsula as well. *The Perang Musuh Bisik* (The War of the Whispering Enemy) can be said to be the longest war experi-

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



# Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021

*Setulus Ikhlas Daripada*

Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Lembaga Pengelola,  
Ketua Eksekutif, Pengurusan Tertinggi,  
Pensyarah dan seluruh warga kerja MiCoST

join  
masuk  
MiCoST | For Real Success  
[www.micost.edu.my](http://www.micost.edu.my) micostofficial

# 2021

## SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU

Setulus Ikhlas Daripada



Seluruh Ahli Lembaga Pengarah dan Warga Kerja MICTH

# SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU

# 2021

Ikhlas Daripada:

Ahli Lembaga Pengarah dan Seluruh Kakitangan  
Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka



فَرِیدَانْ فِيْ مُبَاشِرَةِ سُوْنَهْ دَارْ قَنْتَاهْ مَلَكْ  
Perbadanan Pembangunan  
Sungai dan Pantai Melaka

Melaka River and Coastal Development Corporation



## TEKS UCAPAN DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI KETUA MENTERI MELAKA SEMPENA BELANJAWAN TAHUN 2021 NEGERI MELAKA

### USAHAWAN BELIA

Belia adalah pewaris kepimpinan masa hadapan. Selaras dengan Pelan Strategik 2020 Kementerian Belia dan Sukan, bagi mengupaya ekonomi belia, usaha-usaha berikut akan dilaksanakan:

- PERTAMA:** Program *myGIG Digital Freelance* akan membuka peluang pekerjaan baharu secara digital kepada pekerja bebas digital, menerusi Program Platform *Online Workforce* atau GLOW, di bawah Malaysia Digital Economy Corporation atau MDEC;

- KEDUA:** Program *myGIG Servis* menerusi platform e-Rezeki oleh MDEC, membuka peluang pendapatan secara digital melalui Ekonomi Gig atau Ekonomi Perkongsiang;

- KETIGA:** Program *BOOTCAMP KBS 2020* membantu golongan belia mempelajari kemahiran, sekali gus memberi peluang pekerjaan.

Antara Kolaborasi Industri seperti, industri kemahiran Penyelenggaraan Rel, Metal Fabrication, Fiber Optic, Welding, Pipe Fitter dan Offshore Catering Crew.

Selanjutnya, pihak Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN dan MDEC, dengan kerjasama Institut Tun Perak atau ITP bersatuju menyediakan peruntukan, bagi melatih para usahawan belia, dan usahawan digital Melaka, seramai 800 orang pada 2021.

Tahun hadapan, bagi membantu kebolehpasaran graduan, Kerajaan Melaka bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, melalui 2 skim, untuk melatih seramai 500 graduan anak Melaka.

Satu; Skim Pinjaman Mikrokredit Usahawan Graduan Anak Melaka (Gradpreneurs @ Melaka), memanfaatkan 200 graduan, dengan pinjaman RM3,000 hingga RM5,000, berjumlah RM1 juta.

Dua; melalui ITP, bakal melatih graduan untuk mendapatkan sijil kemahiran, sebelum dimuatkan di industri sekitar Melaka, seramai kira-kira 300 orang pada 2021.

### USAHAWAN BUMIPUTERA

Bagi membantu usahawan Bumiputera, Kerajaan Melaka memperkenalkan insentif yang turut merangkumi semua jenis Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS di Melaka. Ini bagi membentuk satu entiti perniagaan yang kukuh, dari segenap sektor perniagaan.

Bagi menjayakannya, PKNM, melaksanakan pelbagai insentif antaranya:

- PERTAMA:** Pengecualian sewa bulanan selama 2 bulan kepada semua jenis perniagaan PKS, dari April hingga Jun 2020;

- KEDUA:** Pengurangan kadar deposit se-waun dari 6 bulan kepada 4 bulan untuk penyewa-penyewa baharu di premis PKNM;

- KETIGA:** Menjadi Agen Promosi untuk produk-produk usahawan PKS melalui Melaka Halal Sdn Bhd;

- KEEMPAT:** Membantu usahawan-usahawan PKS untuk mendapatkan sijil-sijil pengiktirafan yang sah;

- KELIMA:** Memberi geran galakan kepada PKS untuk memiliki tanah dan bangunan sendiri.

Kerajaan Melaka juga sedang membangunkan satu platform e-Dagang, bagi membantu mempromosi dan membuka peluang pasaran yang luas kepada usahawan-usahawan.

Platform e-Dagang ini sedang dibangunkan oleh anak syarikat Kerajaan Melaka, dengan mengadaptasi business model, Shopee, Lazada, Food Panda dan Grab Food.

Setakat ini, seramai 120 orang usahawan telah berdaftar dengan platform ini, melibatkan 300 jenis produk. Kita berharap, platform e-commerce ini juga, akan melahirkan lebih ramai usahawan dan peluang pekerjaan baharu.

Selain itu, agensi-agensi Kerajaan, seperti MARA dan PUNB, menyediakan pelbagai pin-

jaman serta kemudahan, bagi menjana semula ekonomi akibat penularan pandemik COVID-19.

### USAHAWAN ASNAF

Tahun 2021, MAIM memperuntukkan 700 ribu ringgit bagi bantuan perniagaan, dan 200 ribu ringgit bagi Program Keusahawanan kepada golongan asnaf.

Berkait demikian, saya ingin berkongsi cerita kejayaan Encik Zaidi Omar, pemenang ikon Usahawan Asnaf Peringkat Kebangsaan tahun 2018.

Beliau dulunya hanya penerima zakat, tetapi kini, layak pula menjadi pembayar zakat yang aktif. Beliau hadir di atas sana. Selamat maju jaya, seungkap tahniah kepada Encik Zaidi Omar!

### TERAS KETIGA:

#### REVOLUSI INDUSTRI DAN EKONOMI

Professor Klaus Schwab, pengasas *World Economic Forum* berpendapat, Revolusi Industri sedang pantas berlaku dan sesiapa terleka, mereka akan terpinggir dalam era teknologi terkini.

Lantaran itu, teras ketiga adalah Revolusi Industri dan Ekonomi, bagi menjadikan Melaka, sebagai destinasi pelaburan berkonsepkan agro-industri, bioteknologi, Industri 4.0, perusahaan industri digital dan industri perkhidmatan maritim.

Justeru, Kerajaan Melaka berusaha merancak pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan berimpak tinggi, serta mempunyai kesan pengganda kepada ekonomi Melaka.

### STRATEGI KELIMA: MENGGALAKKAN PELABURAN BERIMPAK TINGGI

Tahun ini, nilai pelaburan yang diluluskan oleh MIDA untuk Negeri Melaka bagi suku ketiga 2020, berjumlah RM1.2 bilion. Pelaburan Langsung Tempatan sebanyak RM671 juta dan Pelaburan Langsung Asing, bernilai RM583 juta.

Kita giat mempromosi Melaka sebagai destinasi pelaburan kompetitif, di persada dunia. Antara usaha-usaha Kerajaan Melaka:

- PERTAMA:** Mengaktifkan peranan Invest Melaka Berhad sebagai *One Stop Center, First Point of Contact* kepada promosi pelaburan;

- KEDUA:** Menubuhkan Jawatankuasa Express bagi mempercepatkan kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang dan pelaburan;

- KETIGA:** Menyediakan perkhidmatan One-Stop-Solution kepada pelabur bagi mempercepatkan kelulusan lesen, pelan bangunan, isu-isu teknikal dan isu-isu pelaburan; serta

- KEEMPAT:** Membangunkan kawasan-kawasan perindustrian lengkap dengan infrastruktur, yang boleh ditawar dan dipromosikan kepada para pelabur, pada harga yang kompetitif.

### MELAKA WATERFRONT ECONOMIC ZONE (M-WEZ)

Menoleh sejarah, Melaka sewaktu dibuka Parameswara, asalnya kawasan terpencil, telah bertukar wajah, menjadi pusat perdagangan paling sibuk di dunia.

Hatta, Tome Pires dalam *The Suma Oriental*, mengatakan, Melaka dulunya empayar terbilang, didatangi ramai pedagang dari seluruh dunia, sehingga digelar “Venice of the East”.

Lalu, bagi mengembalikan kegemilangan tersebut, supaya setanding dengan NCER, IRDA, ECER, SDC, SCORE dan Malaysia Vision Valley...

Maka Kerajaan Melaka bertekad, mewujudkan satu koridor ekonomi baharu, pelaburan berimpak tinggi, bakal menjadi game changer, dinamakan, MELAKA WATERFRONT ECONOMIC ZONE ATAU M-WEZ.

M-WEZ ini, termasuklah pelabuhan dan perdagangan, hab logistik serta pejabat, penginapan komersial, perhotelan dan marina,

pembangunan bercampur serta Industri 4.0 dan Zon Bebas Antarabangsa.

Melalui M-WEZ, dijangka mampu menjana pelaburan RM100 bilion, bakal dilaksanakan melalui inisiatif swasta dan awam. Ia meliputi kawasan tambakan pesisir pantai seluas 15,000 ekar, di sepanjang 22 kilometer, dari Umbai ke Tanjung Bruas.

Malah, 2 Disember baru-baru ini, saya sendiri menyatakan komitmen kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di Putrajaya, tentang kesungguhan kita bagi merealisasikan M-WEZ ini.

### PELABUHAN BERTARAF DUNIA

MWEZ, bakal dirancakkan dengan pewujudan beberapa pelabuhan bertaraf dunia:

- PERTAMA:** Menaiktaraf Kuala Linggi International Port sebagai hab industri minyak dan gas, dijangka siap tahun 2025. Projek kerjasama di antara pelaburan tempatan dan asing, dianggarkan bernilai RM15 bilion.

Pelabuhan berhampiran muara Sungai Linggi ini, telah menerima lebih dari 6,000 panggilan kapal, dan memfasilitasi lebih dari 500 juta tong, pemindahan kargo pukal cecair pada tahun lalu

- KEDUA:** Pelabuhan Tanjung Bruas sebagai hab kontena akan dibangunkan secara komersial, agar setaraf dengan Pelabuhan Klang pada masa depan.

Perjanjian konsesi ini telah dimeterai Syarikat Tanjung Bruas Sdn Bhd dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia, membabitkan pelaburan sekitar RM160 juta.

Skop kerjanya seperti penambakan laut, pembenaran dan pembinaan jeti serta jambatan baharu, dan membina kawasan kontena.

### HIGH SPEED RAIL

Menjengah ke depan, kita berhasrat meneruskan projek High Speed Rail untuk merancakkan ekonomi bersama Singapura, tertakluk kepada perbincangan selanjutnya.

### LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA MELAKA

Bagi perancangan jangka panjang, kita bercadang untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka yang baharu di koridor M-WEZ, sebagai pemangkin pelaburan ekonomi masa depan.

Di samping itu, Malaysia Airports Holdings Berhad juga menyediakan Program Pembangunan Pelancongan Antarabangsa Bersama dan Dana Promosi Pelancongan Antarabangsa Langkawi, untuk menambahkan penerangan serta merancakkan lagi sektor penerangan di Melaka.

### MEMPERKASA AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI

Selain itu, Kerajaan Melaka sedang melaksanakan proses rasionalisasi dan pengukuhan agensi serta anak syarikatnya, bagi memastikan tiada pertindihan fungsi dan peranan.

Bagi meningkatkan kecekapan agensi dan anak syarikat, 4 buah Syarikat Berhad Menurut Jaminan, 15 buah Syarikat Bersekutu, dan 65 anak syarikat akan distrukturkan semula kepada 50 buah anak syarikat serta daripada 13 kepada 11 buah agensi milik Kerajaan Negeri.

Contohnya, Perbadanan Stadium Melaka PSM diserap di bawah PBT berkuatkuasa 1 Ogos 2020.

Kita juga mensasarkan KPI yang lebih baik untuk agensi dan anak syarikat Kerajaan Melaka sedia ada seperti berikut:

- PERTAMA:** Mensasarkan peningkatan keuntungan kepada 20 peratus setiap tahun;

- KEDUA:** Mencari rakan kongsi baharu untuk perniagaan dalam dan luar negara, sekurang-kurangnya 3 projek usahasama dalam masa 5 tahun;

- KETIGA:** Memastikan agensi dan anak

syarikat mematuhi sumbangan 2 peratus setahun daripada pendapatan syarikat kepada Kerajaan Negeri; dan

- KEEMPAT:** Disenaraikan di Bursa Malaysia dalam masa 5 hingga 10 tahun akan datang.

### STRATEGI KEENAM: MENGGIATKAN PELABUHAN SEKTOR PEMBUATAN

Kerajaan Melaka merekodkan sejumlah RM3 bilion pelaburan dalam sektor pembuatan bagi tempoh Januari hingga September 2020.

Kita mensasarkan RM5 bilion setiap tahun. Justeru, Kerajaan Negeri mengenal pasti pelabur-pelabur berpotensi dalam sektor pembuatan seperti berikut:

- PERTAMA:** Infineon, syarikat semikonduktor dari Jerman telah menyatakan komitmennya bagi melebarkan operasi dengan melabur sejumrah, RM3.25 bilion dalam tempoh 10 tahun, bermula tahun 2020;

- KEDUA:** Texas Instrument, kilang elektronik dari Amerika Syarikat, sedang beroperasi di *Free Trade Zone* Batu Berendam, merancang untuk pembesaran kilang dengan anggaran pelaburan sebanyak RM2 bilion;

- KETIGA:** AUO SunPower, kilang panel solar dari Amerika Syarikat, sedang beroperasi di Melaka World Solar Valley, Rembia, bercadang menambah pelaburan sebanyak RM250 juta; dan

- KEEMPAT:** Xinyi Glass, kilang kaca dari China, beroperasi di Kawasan Perindustrian Elkay, Jasin, akan menambah pelaburan sebanyak RM100 juta.

### STRATEGI KETUJUH: MERANCAKKAN SEKTOR PELANCONGAN

Kerajaan Melaka melaksanakan beberapa tindakan pantas dalam merancakkan industri pelancongan, dengan meluaskan capaian promosi destinasi Melaka berkonsepkan digital.

Tagline baharu diperkenalkan iaitu, Melaka *Safe Haven*, Melaka *Is The Place To Be* dan kempen *Dream Now Travel Later*, menggunakan platform digital iaitu, Melaka *Excess*. Ini menggambarkan, Melaka adalah sebuah negeri yang untuk dikunjungi sebagai pilihan utama destinasi percutian.

Ketika COVID-19 ini, usaha menarik pelancong melawat Melaka, ditumpukan kepada pelancong domestik, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

### PRODUK PELANCONGAN BAHRU

Kerajaan Melaka mengenal pasti 12 produk berpotensi menarik pelancong, terutamanya di kawasan luar bandar, iaitu:

- Makam Datuk Patinggi Abang Abdul Gapur, Limbongan;**
- Kapal Mendam Berahi, Sungai Melaka;**
- Sungai Duyong River Cruise, Duyong;**
- Jebat Street, Dataran Klebang;**
- Kompleks Pelancongan Klebang;**
- Kota Lokal di Padang Dataran Pahlawan, Banda Hilir;**
- Gunung Melaka, Kampung Gapis, Nyalias, Jasin;**
- Pantai Siring, Kampung Pulai; DM Mart di Bangunan Kota Cemerlang;**
- Zoo Tunnel;**
- Ion Forte Green City, Ayer Keroh; dan**
- Percutian berkonsep perkhemahan atau Glamping, di Pulau Nangka.**

Sambungan di minggu hadapan

# Masalah Gastrik : Tanda-tandanya dan rawatan



DR. SHANKAR GUNARASA



**MASALAH** gastrik adalah masalah yang di kenali oleh masyarakat umum dan sering di kaitkan dengan kesakitan di ulu hati. Gastrik diambil namanya dari organ perut atau *gastric* dan gastritis adalah berpunca dari masalah inflamasi di lapisan mukosa perut. Ianya boleh memberi kesan yang buruk di mana lapisan perut berkenaan boleh bocor dan memberi kesan yang mudarat.

Secara umumnya lebih ramai lelaki mengalami masalah gastrik ini dengan nisbah 1.5 hingga 2 kali ganda berbanding wanita. Ia biasanya disebabkan gaya hidup yang tidak sihat yang kebanyakannya dilihat dalam golongan lelaki.

Gastrik antara masalah lazim dan secara umumnya boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu erosive gastritis (keradangan lapisan mukosa yang melapik dinding perut) dan ulser perut atau peptik pada lapisan sel yang yang di dalam lapisan mukosa (lebih teruk berbanding gastritis). Selain itu masalah reflux atau *Gastro-oesophageal Reflux Disease* (GERD) adalah salah satu penyebab sakit di ulu hati. Seringkali pesakit GERD ini akan terasa tercekik di bahagian ulu hati sehingga susah bernafas.

Secara physiolognya sel perut kita menghasilkan asid hidroklorik (dengan pH 1 hingga pH 2) yang berfungsi mencerna makanan. Lapisan mukosa (lapisan pertahanan) di perut bertindak sebagai pelindung daripada kesan asid hidroklorik. Jika lapisan pertahanan ini menjadi lemah, ulser berlaku kerana asid hidroklorik boleh sampai ke sel dan menyebabkan keradangan dan jika kronik boleh menyebabkan kebocoran lapisan perut. Jika sampai ke peringkat yang teruk, ulser perut boleh menyebabkan pendarahan dan ia boleh dilihat dalam 2 bentuk iaitu :

- Najis menjadi hitam seperti tar
- Muntah mengandungi darah atau berwarna gelap seperti kopi

Apakah sebenarnya tanda-tandanya? Sebenarnya kesihatan sistem penghadaman perut, usus besar dan kecil banyak bergantung dengan pemakanan seseorang individu. Antara penyebab utama masalah gastrik ialah pengambilan makanan berlebihan pada sesuatu masa, pengambilan makanan yang tidak tentu masa, makanan berlemak, minuman berkafein dan bergas yang tidak terkawal. Selain itu tabiat merokok, pengambilan alkohol dan ubatan tahan sakit secara berlamaan seperti aspirin boleh menyumbang kepada gejala ini. Individu yang banyak mengalami tekanan atau stress sama ada tekanan kerja, peribadi, sosial atau mendapat jangkitan kuman yang teruk juga berisiko diserang masalah gastrik. Malah masalah gastrik juga kerap dikesan pada pesakit yang baru menjalani pembedahan besar kerana pembedahan juga adalah satu bentuk tekanan kepada badan.



#### Simptom simptom masalah gastrik ini termasuk

- Kembung perut dan seringkali sendawa
- Senak perut
- Pedih ulu hati
- Kerap muntah dan kadangkala muntah berdarah
- Sesak nafas terutamanya untuk masalah GERD
- Seringkali merasa loya dan muntah
- Hilang selera makan

Bakteria Helicobakter Pilori (H.pilori) adalah satu faktor utama yang boleh menyebabkan masalah gastrik. Ianya berbentuk berlingkar (berpilin) dan menginapi di lapisan mukosa perut. Ianya mengeluarkan sejenis enzim urase yang akan berpecah menjadi urea dan ammonia. Mendakan ammonia berlebihan inilah yang melemahkan lapisan pertahanan mukosa yang menyebabkan asid hidroklorik mengakis ke dalam sel dan mengakibatkan keradangan perut.

Oleh itu pada masa kini, ujian terhadap bakteria seringkali di jalankan oleh doctor sebelum rawatan di mulakan. Bakteria ini boleh didiagnosis secara urea breath test, ujian darah dan juga biopsi lapisan mukosa semasa endoskopi.

Rawatan untuk gejala ini berbentuk tiga



- Secara umumnya lebih ramai lelaki mengalami masalah gastrik ini dengan nisbah 1.5 hingga dua kali ganda berbanding wanita. Ia biasanya disebabkan gaya hidup yang tidak sihat yang kebanyakannya dilihat dalam golongan lelaki.

#### Merokok atau terdedah kepada asap rokok

#### Alkohol

#### Ubat senseh Jamu tradisional Akar kayu

#### Ubat tahan sakit atau ubat urat

#### Makanan Pedas



#### Makanan Terlalu Berminyak

#### Makanan Yang masam



#### Makanan berempah seperti Kari

#### Minuman Bergas

#### Kopi atau bahan berkafien

# GASTRIK

## Perkara Yang Perlu DIELAKKAN

jenis ubatan iaitu

- **Antasid** - bertindak memperbaiki dan memberi lapisan tambahan ke pada lapisan pertahanan (mukosa) yang diambil tiga kali sehari.
- **Antagonis H<sub>2</sub>** - berfungsi mengurangkan rembesan asid.
- **Perencat pam proton (PPI)** - bertujuan mengurangkan rembesan asid dengan lebih berkesan; biasanya diberi kepada pesakit yang alami gastritis teruk atau ulser perut.

Untuk pesakit yang telah di dapati menghadapi jangkitan H.pilori akan di beri antibiotik selama dua minggu. Masalah yang kerap berlaku ialah pesakit tidak menghabiskan ubat di beri dan biasanya mereka berhenti mengambil ubat apabila kesakitan hilang. Ini akan melengahkan proses penyembuhan lapisan mukosa di perut.

Mengapa perlu menghabiskan ubat? Ubat di beri sebenarnya membantu memulihkan lapisan mukosa dalam perut dan ia mengambil masa dua minggu untuk kembali normal. Memberhentikan pengambilan ubat selepas tiga atau empat hari akan menyukarkan proses penyembuhan di lapisan mukosa. Selain itu ujian endoskopi perlu di lakukan untuk

mengenalpasti jenis masalah gastrik tersebut.

Selain pengambilan ubat, pesakit perlu menjaga pemakanan dan mengubah gaya hidup bagi mengelak serangan gastrik berulang. Antara perubahan yang perlu dilakukan ialah

- kurangkan makanan berempah dan berminyak
- berhenti merokok dan minuman beralkohol
- kurangkan memakan ubatan tahan sakit yang berlamaan
- amalkan pemakanan yang sihat dan teratur mengikut masa
- mengambil makanan yang sedikit tetapi kerap
- kurangkan minuman berkafein (seperti kopi dan teh)

Yang paling penting, sekiranya masalah gastrik ini berlarutan, anda perlu berjumpa dengan doktor secepat mungkin.. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang masalah gastrik ini, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolo-rektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



Faiz Hasan

# MASIHKAH ADA PEWARIS SENI NAZAM?



**ANTARA** generasi muda yang mempertahankan khazanah terabit aktif dalam setiap pertandingan yang dianjurkan di negeri ini.

**MEMANG** benar kebanyakan seni irama nazam hanya dipelopori oleh masyarakat berusia berbanding generasi muda di negeri ini malah lebih menyediakan ia semakin dilupakan sehingga generasi muda hari ini tidak mengetahui kewujudan perkataan nazam itu sendiri.

Menurut orang lama, nazam dikenali sebagai puisi turun temurun Melayu dinyanyikan orang zaman dahulu dengan mesej yang diolah baitnya dalam bentuk nasihat yang mengandungi elemen-elemen keagamaan sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari.

Pengurus Besar Institut Warisan Melaka (INSWA) Nurman Mohd Baroldin berkata, nazam mencerahkan konsep keagamaan dalam puisi seringkali menyampaikan ilmu tauhid, memuji Allah dan Rasulullah SAW serta pelbagai lagi sebagai pendekatan mendekatkan diri kepada Allah yang dilakukan pada zaman dahulu.

Menurutnya, nazam diperlukan telah wujud sezaman pada zaman Kesultanan Melayu Melaka kerana terdapat catatan pernah menyatakan perihal nazam dan dondang sayang pada ketika itu bagaimanapun sema-

kin menyepi dan dilupakan generasi muda pada hari ini.

#### TAK KENAL NAZAM

Bagi pewaris muda seni nazam, Ahmad Hadiffauzan Omar, dia mengakui ramai generasi muda tidak mengenali apa itu nazam dan sering ditanya kenalannya berkaitan seni itu sehingga berminat ingin mengetahui dengan mendalam apa itu nazam. Malah ujarnya, tiap kali dia memuat naik sebaran berhubung nazam di media sosial ramai kenalan

mempersoal perkara sama.

"Saya mengenali nazam sejak tingkatan satu dan sebagai rakyat Melaka, ia agak mustahil dan kita perlu kena tahu apa itu nazam kerana ia hanya ada di Melaka saja."

"Berdasarkan pengalaman didekah sejak bangku sekolah lagi dengan pelbagai pertandingan yang diadakan bagaimanapun ia hanya disertai golongan senior dalam negeri ini," jelasnya.

Senario terbabit jelas membuktikan seni nazam perlu dimartabatkan

dalam kalangan generasi muda hari ini setaraf dengan irama yang lain seperti dondang sayang yang membawa imej negeri bersejarah ini.

#### PERLU ATUR LANGKAH

Semua pihak perlu berganding bahu dalam mempertahankan seni warisan turun temurun Melayu tersebut kerana bimbang ia akan hilang dalam peredaran arus masyarakat.

Hadiffauzan berkata ke arah memperkasakan nazam ia perlu didekahkan ke peringkat sekolah dengan

mengadakan bengkel dan pertandingan menyeluruh perlu digiatkan kementerian berkaitan agar ia terus dipelopori generasi muda.

Menerusi pertandingan juga perlu memperkenalkan nazam kreatif kerana menggunakan elemen muzik yang menjadi tarikan generasi muda.

"Kebanyakan dahulu nazam hanya dialunkan dengan irama nazam asli di mana ia dinyanyikan mengikut irama sedia ada bagaimanapun kini ia kebanyakannya pertandingan ia diolah dalam bentuk kreatif dengan penggunaan alat muzik, teknik persembahan yang menjadi tarikan ramai," katanya.

Menurutnya, ke arah memastikan irama terbabit ia perlu kerap dimainkan menerusi pelbagai platform media bagi memperkenalkan nazam setanding irama tradisional yang lain.

"Pihak terlibat perlu bersama-sama mendedahkan irama ini dengan memuat naik di seluruh platform media sosial malah selain itu ia perlu dipertarung di stesen radio tempatan seperti irama dondang sayang yang dimainkan pada corong radio melambangkan imej negeri bersejarah ini."

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :  
**06 - 286 5120**  
 Isnin hingga Jumaat ( 9:00 pagi - 5:00 petang)  
 E-mel: wiramagr@gmail.com

**Kemudahan**

- Surau
- Gimnasium
- Tadika
- Taska
- Taman Permainan
- Dewan Komuniti
- Bilik Dobi

**RESIDENSI**  
*Bukit Katil*

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

**Jenis A (Tengah)** : 1,000 kps (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)  
**Jenis A1 (Tengah)**: 1,000 kps (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)

**Jenis A2 (Hujung)** : 1,000 kps (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)  
**Jenis A3 (Hujung)** : 1,000 kps (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)

**Kemudahan**

- Surau
- Gimnasium
- Tadika
- Taska
- Taman Permainan
- Dewan Komuniti
- Bilik Dobi

**Pelan Lantai**

**Type BI**  
3 Bedrooms  
2 Bathrooms  
1,000 sq.ft

**Type CI**  
3 Bedrooms  
2 Bathrooms  
1,000 sq.ft

GERBANG KEHIDUPAN KOMUNITI MODEN

Alami gaya hidup moden di RESIDENSI BUKIT KATIL yang terletak di lokasi strategik dengan akses yang terancang serta berdekatan dengan hospital, pusat pemerkasaan dan pusat pelancongan.

NIKMATI GAYA HIDUP LENGKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana pembangunan seperti sekolah, hospital dan pusat komersial

# Liridon disenarai sertai kem latihan pusat skuad negara

**PEMAIN** tengah Johor Darul Ta'zim (JDT) Liridon Krasniqi yang juga pemain naturalisasi kedua negara semakin hampir menyarung jersi Malaysia menjelang aksi pertama skuad Harimau Malaya dalam kempen kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 yang tertangguh hampir setahun.

Liridon adalah antara 26 hingga 30 pemain disenarai bagi menyertai kem latihan pusat skuad kebangsaan bermula 15-26 Jan depan sebagai persiapan menghadapi

aksi Kumpulan G Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 menentang Emiriyyah Arab Bersatu (UAE) dan Vietnam pada Mac.

Ia adalah kali pertama bekas pemain kebangsaan Kosovo berusia 28 tahun itu dipanggil ketua jurulatih skuad kebangsaan Tan Cheng Hoe sejak sah menjadi warganegara Malaysia pada Februari lepas.

Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) merangkap pengurus

skuad kebangsaan Datuk Mohd Yusoff Mahadi berkata Liridon terlebih dahulu perlu menampilkan prestasi terbaik serta membuktikan kesungguhannya sebelum layak dipilih mewakili Malaysia.

"Sama ada beliau (Liridon) dapat tempat dalam skuad kebangsaan atau tidak, ia bergantung kepada prestasi semasa pada kem latihan pusat atau penilaian dilakukan barisan kejurulatihan yang bertujuan untuk pastikan prestasi terkini beliau adalah

terbaik untuk mewakili negara," katanya kepada Bernama.

"Mana-mana pemain terbaik negara sebelum ini pun dinilai semula oleh jurulatih pada kem latihan pusat, jadi perkembangan beliau akan dipantau sepanjang tempoh kem latihan dan berharap beliau dapat menyumbang sesuatu pada Mac nanti," tambah beliau.

Jika Liridon terpilih mewakili Malaysia, beliau akan menjadi pemain naturalisasi kedua beraksi untuk skuad kebangsaan selepas bekas pemain sayap Pahang, Mohamedou Sumareh yang membuat penampilan pertamanya pada Oktober 2018.

Pada masa sama, perkembangan itu menyaksikan Cheng Hoe dan Liridon akan kembali bekerjasama buat kali pertama sejak kedua-dua figura itu berganding bahu membantu pasukan Kedah melakar beberapa kejayaan pada musim 2015 hingga 2017.

Pengendali berusia 52 tahun itu adalah individu ber-

**LIRIDON** semakin hampir menyarung jersi Malaysia menjelang aksi pertama skuad Harimau Malaya dalam kempen kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 yang tertangguh hampir setahun. (Foto sumber internet)



tanggungjawab membentuk Liridon menjadi salah seorang pemain import terbaik dalam Liga Malaysia (Liga-M) ketika bersama skuad Lang Merah.

Justeru, Mohd Yusoff mengakui teruja untuk melihat bagaimana Cheng Hoe akan menggunakan kelebihan dimiliki Liridon dalam sistem permainan pasukan kebangsaan.

"Mungkin terlalu awal untuk bercakap mengenai prestasi Liridon kerana tiada perlawanan skuad kebangsaan

melibatkan beliau setakat ini tetapi kita yakin kehadiran beliau boleh membantu pasukan menjadi lebih baik.

"Tan (Cheng Hoe) sendiri mengenali beliau agak lama, jadi di situ mungkin ada sedikit kelebihan dari segi kombinasi mereka. Beliau (Cheng Hoe) sudah faham permainan Liridon, jadi kita mengharapkan dengan adanya Liridon dalam pasukan ia akan memberi nilai tambah untuk skuad kebangsaan," katanya. - BERNAMA



## Tourism Melaka Futsal Challenge 2020 pecah rekod

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**KEJOHANAN** Tourism Melaka Futsal Challenge 2020 mencipta rekod baharu dalam penganjurannya apabila berupaya menarik 2,500 pemain dari 256 pasukan beraksi di Kompleks Sukan Batu Berendam, baru-baru ini.

Program kali ketiga anjuran Kelab Belia Malaysia (MAYC) kawasan Bukit Katil dengan kerjasama Tourism Melaka dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Melaka itu mempertandingkan dua kategori iaitu Terbuka Lelaki dan Kategori Bawah 17 Tahun Lelaki yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM5,000.

Memandangkan negara masih berperang dalam pandemik COVID-19, penganjuran tersebut telah berlangsung dalam suasana norma baharu dengan meniti beratkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Acara itu telah dirasmikan oleh Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Muhammad Jailani dalam ucapannya menyanjung tinggi peranan belia dan sukan dalam menyumbang kepada sektor pelancongan negeri ini, apatah lagi kejohanan yang

berlangsung itu turut menarik minat peserta dari luar Melaka.

"Mungkin ramai yang tidak sedar bahawa belia dan sukan merupakan antara dua sub sektor pelancongan Melaka. Kita difahamkan ada peserta yang datang dari Terengganu, Kedah, Pahang, Johor dan Kuala Lumpur turut serta dalam kejohanan kali ini."

"Malah dikhaskan hotel dan inap desa berhampiran kawasan ini turut penuh ditempah pemain yang bakal beraksi. Jadi, ia memang sesuatu yang menggembirakan dan saya amat berharap sub sektor pelancongan belia dan sukan ini dapat kita kembangkan lagi," ujarnya.

Di akhir pertandingan menyaksikan pasukan Tampoi FC A dari Melaka dinobat johan kategori terbuka lelaki dengan membawa pulang wang tunai RM2,000, piala pusingan, medal dan barang penaja yang lain.

Tempat kedua, ketiga dan keempat pula masing-masing menjadi milik Pren FC (Kuala Lumpur), Tampoi B (Melaka) dan Tot FC (Kuala Lumpur).

Manakala, bagi kategori Bawah 17 Tahun Lelaki, pasukan dari Johor Manuha FC dinobat johan apabila menewaskan Akademi Bertam Ulu (Melaka) di pusingan akhir.

Selaku juara, mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM400 berserta piala pusingan, medal dan barang penaja yang lain.

## Petrus mahu buru kejayaan bersama TFC

**PEMAIN** KEBANGSAAN Namibia, Petrus Shitembi berazam tidak akan mensia-siaikan peluang yang diberikan oleh Terengganu FC (TFC) dengan membantu skuad Penyu memburu kejayaan dalam saingan Liga Malaysia (Liga M) serta aksi Piala Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) 2021.

Pemain berusia 28 tahun yang sebelum ini beraksi bersama skuad Sabah itu berkata sebagai pasukan yang berjaya menamatkan saingan Liga Super musim ini di tangga ketiga dan seterusnya menempah slot ke Piala AFC

2021, TFC merupakan platform terbaik untuknya menarik minat diri sendiri.

"Lazimnya kelab besar menetapkan sasaran yang tinggi, justeru apabila mereka ambil kita, kita juga perlu capai sasaran itu dan lakukan yang terbaik dalam setiap perlawanan pada 2021," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada sesi latihan TFC di Kompleks Sukan Gong Badak baru-baru ini.

Kapten pasukan Namibia itu juga berkata beliau akan memanfaatkan pengalamannya beraksi sebanyak

**PETRUS** teruja untuk beraksi bersama Skuad Penyu yang dianggap mempunyai gabungan pemain muda dan pemain senior yang mantap. (Foto sumber Facebook Terengganu FC)

65 perlawanan sejak 2010 sejak 2010 selain telah bersama sembilan kelab termasuk Skuad Tambadau, sepanjang setahun bersama TFC nanti.

Petrus turut teruja untuk beraksi bersama Skuad Penyu yang dianggap mempunyai gabungan pemain muda dan pemain senior yang mantap.

"Mereka ada pemain muda berbakat yang serasi dengan pemain senior, justeru mereka yang berpengalaman boleh menjadi pembimbing yang baik kepada pemain muda ini," katanya. - BERNAMA





>> PETRUS  
teruja  
bersama  
TFC  
• Lihat muka 23

MELAKA HARI INI / 4 - 10 JANUARI 2021

# Sukan

>> LIRIDON  
disenarai serta  
kem latihan  
pusat skuad  
negara  
• Lihat muka 23

## FAM puas hati



**KOMITMEN** dan sumbangan pemain naturalisasi dan pemain berdarah kacukan dalam peningkatan prestasi pasukan bola sepak negara di pentas antarabangsa, menepati jangkaan Persekutuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Timbalan Presidennya Datuk Mohd Yusoff Mahadi berkata, badan induk bola sepak negara itu berpuas hati dengan kesungguhan mereka, serta impak positif yang dibawa ke dalam skuad kebangsaan yang kini berada di landasan terbaik melayakkannya diri ke pusingan akhir Piala Asia 2023.

Beliau berkata, sebagai contoh pemain naturalisasi pertama negara Mohamadou Sumareh, telah menggalas tanggungjawab dan kepercayaan yang telah diberikan kepadanya dengan baik,

sejak membuat penampilan pertama bersama skuad Harimau Malaya, pada Oktober 2018.

“Setakat ini kita (FAM) berpuas hati, untuk pemain naturalisasi kita baru ada Sumareh seorang dalam pasukan, memang kita nampak komitmen beliau amat tinggi untuk pasukan negara dan kita harap pemain naturalisasi selepas ini pun ada semangat yang sama,” katanya kepada Bernama.

Sumareh memiliki rekod baik dalam 19 penampilan bersama skuad kebangsaan setakat ini dan berjaya meledak enam gol, dengan tiga daripadanya dijaringkan dalam kempen Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023.

Pada masa sama, Mohd Yusoff berkata FAM memuji semangat kewarganegaraan ditampilkan

pemain berdarah kacukan, antaranya pemain kacukan Malaysia-Australia Brendan Gan, La’Vere Corbin Ong (Malaysia-Barbados) dan Matthew Davies (Malaysia-Australia).

Jelasnya, semangat itu dibuktikan apabila Brendan dilihat menangis kegembiraan selepas pasukan negara berjaya merakam kemenangan dramatik ke atas musuh tradisi Indonesia, dalam kempen Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023.

“Jadi maknanya beliau betul-betul menjawi semangat Malaysia itu, saya lihat pemain seperti Corbin-Ong dan Matt (Davies) telah menunjukkan minat yang kuat untuk pasukan negara, walaupun belum diberi peluang menyarung jersi negara.

“Setakat ini tidak nampak pemain berstatus naturalisasi atau warisan (berdarah kacukan) ini, bermula untuk pasukan negara sambil lewat ataupun tidak menunjukkan semangat kewarganegaraan yang tinggi,” tambah beliau yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Program Naturalisasi FAM.

Skuad kebangsaan dijangka bakal menerima sentuhan seorang lagi pemain naturalisasi menjelang dua aksi getir Kumpulan G Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 menentang Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Vietnam, pada Mac.

Pemain tengah Johor Darul Ta’zim (JDT) dan pemain naturalisasi kedua negara Liridon Krasniqi yang sah menerima kewarganegaraan Malaysia pada Februari lepas, antara pemain dipanggil ketua jurulatih Tan Cheng Hoe bagi menyertai kem latihan pusat skuad kebangsaan, bermula 15-26 Jan depan.

Mohd Yusoff menjelaskan kebergantungan FAM terhadap pendekatan menaturalisasikan seorang pemain, bersandar pada standard yang mampu dicapai pemain tempatan selaras usaha FAM menjadikan skuad kebangsaan antara pasukan digerudi di pentas Asia.

“Sampai bila (kebergantungan) sukar nak dijawab secara tepat, tetapi sebenarnya tiada keperluan untuk menaturalisasikan seseorang pemain, apabila kita dapat satu pasukan diwakili pemain tempatan dan mampu bersaing di peringkat tertinggi, contoh seperti peringkat Asia,” katanya.

Beliau berkata, sejak kehadiran pemain naturalisasi serta pemain berdarah kacukan di dalam skuad kebangsaan, pemain tempatan telah menunjukkan peningkatan prestasi dan mampu bersaing merebut tempat dalam kesebelasan utama pasukan.- BERNAMA



### Tourism Melaka Futsal Challenge 2020 pecah rekod

**KEJOHANAN** Tourism Melaka Futsal Challenge 2020 mencipta rekod baharu dalam penganjurannya apabila berupaya menarik 2,500 pemain dari 256 pasukan beraksi di Kompleks Sukan Batu Berendam, baru-baru ini.

• Lihat muka 23